AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

# قليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 39 | RABU 26 SEPTEMBER, 1984. | رابو 30 ذوالحجة 1404 | PERCUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Perhimpunan Agung PBB yang ke-39.

## BRUNEI SOKONG PENUH MATLAMAT PBB

DALAM titah sulungnya bersempena menerima keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 September yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam antara lain bertitah bahawa Baginda menyokong sepenuhnya matlamat dan piagam badan dunia itu.

Baginda bertitah, sungguhpun Negara Brunei Darussalam merupakan negara kecil, tetapi ianya boleh memberikan sumbangan yang mana menurut Baginda adalah berharga memandangkan pengalaman yang pernah ditempuh oleh PBB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh tentang masalah-masalah Kampuchea, Afghanistan, Pelastine, Iran-Iraq dan Afrika Selatan.

Mengenai kemasukan Negara Brunei Darussalam ke PBB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan penghargaan kepada negara-negara ASEAN, United Kingdom serta negara-negara lain yang telah memberikan sokongan ke atas kemasukan negara ini ke PBB.

Dalam titah selama kira-kira 30 minit itu, Baginda juga menyentuh serba sedikit gambaran tentang perkembangan pelajaran, sosial, kebudayaan dan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang dilaksanakan permulaannya oleh ayahnda Baginda, Kebawah Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien yang digelar sebagai 'arkitek Brunei moden.'

Bagi mencapai kemajuan seterusnya, Baginda menegaskan bahawa Brunei Darussalam dan rakyatnya akan terus berpegang kepada prinsip-prinsip ajaran yang sudah diamalkan iaitu ugama Islam.

## BRUNEI DIRASMI AHLI PBB KE-159

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah diterima dengan rasminya menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu — PBB. Kemasukan Brunei itu telah diputuskan dengan sebulat suara tanpa undian dan disokong oleh 150 buah negara anggota dalam majlis Perhimpunan Agung yang ke-39 badan dunia itu di bangunan ibu pejabat PBB di New York pada 21 September yang baru lalu.

Dengan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke badan dunia itu kini PBB telah dianggotai oleh 159 buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemimpin dan ketua negara telah berangkat ke majlis yang gilang gemilang dan bersejarah itu dan telah dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Javier Perez de Cueller, Setiausaha Agung PBB.

Berangkat sama menyertai rombongan Baginda itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu dan Tuan Yang Terutama Awang Haji Omar bin Haji Serudin Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB.

Penerimaan kemasukan Negara Brunei Darussalam menganggotai badan dunia itu telah diisytiharkan oleh Presiden Perhimpunan Agung PBB, Tuan Yang Terutama J.F Lusaka. Di hadapan para perwakilan dari 158 buah negara anggota. Dengan itu kini terbuktilah sudah keyakinan dan penerimaan dunia antarabangsa terhadap kemerdekaan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Sebaik-baik saja pengisytiharan oleh Presiden Perhimpunan Agung PBB itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melafazkan titah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas penerimaan badan dunia itu menjadi anggotanya yang ke-159.

Dalam kesempatan yang amat bersejarah itu, Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah berkenan mengurniakan derma sebanyak US$1 juta iaitu kira-kira $2 juta Brunei untuk Tabung UNICEF yang telah diserahkan kepada Tuan Yang Terutama Javier Perez de Cueller, Setiausaha Agung PBB di satu majlis singkat sebaik-baik saja Brunei Darussalam diisytiharkan menganggotai badan dunia itu.

### MANISNYA IMAN

"APA yang di sisi kamu itu akan hilang, tetapi apa yang di sisi Allah ialah yang kekal; dan akan Kami berikan kepada orang-orang yang sabar itu ganjaran menurut yang telah mereka kerjakan dengan sebaik-baiknya." — Maksud ayat 96 Surah An-Nahl.

## BENDERA BRUNEI BERKIBAR DI PBB



NEW YORK, 21 September, 1984 — HARI ini, bendera Negara Brunei Darussalam telah berkibar dengan megahnya di hadapan ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejajar dengan bendera-bendera 158 buah negara dunia yang telah menjadi keluarga pertubuhan dunia itu.

Upacara penarikan bendera Negara Brunei Darussalam itu berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Keberangkatan tiba Baginda ke upacara itu dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Javier Perez De Cueller, Setiausaha Agung PBB.

Berangkat sama ke upacara itu ialah kedua-dua Paduka adinda Baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta lain-lain anggota delegasi Brunei Darussalam.

Upacara yang amat bersejarah itu juga disaksikan oleh beberapa perwakilan dari negara-negara anggota yang lain.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

26 SEPTEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEBANGGAAN KITA SEBAGAI ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU

NEGARA kita dengan rasminya telah diterima menjadi anggota yang ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Keanggotaan kita dipersetujui dengan sebulat suara oleh 158 buah negara, yang mana ini adalah bukan sahaja merupakan pengiktirafan dunia ke atas kemerdekaan kita bahkan juga menandakan masa hadapan yang cerah dalam kita melaksanakan tanggungjawab antarabangsa.

Orang ramai yang berkesempatan mengikuti berita kemasukan negara kita menjadi anggota Bangsa-Bangsa Bersatu itu, sama ada melalui akhbar dan radio apa lagi melalui siaran televisyen sudah barang tentu merasakan semacam keterharuan. Mereka mengetahui dan menyaksikan betapa penerimaan sebulat suara itu telah diberikan dengan Presiden Pertubuhan Dunia itu mengumumkannya. Sejurus selepas itu perwakilan negara kita yang dipimpin sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah diiringi masuk ke Dewan Perhimpunan dan menduduki kerusi sebagai anggota penuh. Terasa betapa megah dan bangganya kita melihat Baginda selaku tampuk negara serta teras dan teraju Kerajaan tampil ke podium di Dewan Perhimpunan itu untuk pertama kalinya melafazkan suara hati nurani bangsa kita mengenai beberapa isu antarabangsa selain menegaskan lagi keazaman kita untuk mencapai taraf hidup yang lebih sempurna dalam suasana aman yang bebas dari campurtangan asing.

Sesungguhnya, seperti yang kita tegaskan sebelum ini, penerimaan antarabangsa terhadap kemerdekaan kita adalah merupakan pengiktirafan terhadap kewibawaan Kerajaan yang berfungsi dengan berkesan dan berpotensi untuk memberikan sumbangan terhadap kerjasama bagi keamanan dunia serta kesejahteraan seluruh umat manusia. Faktor inilah sebenarnya yang diperhatikan yang mana Kerajaan telah berhasil dalam memaju dan meninggikan taraf hidup rakyat serta mengadakan jaminan-jaminan keselamatan di samping program-program bagi kesejahteraan. Strategi pembangunan negara dengan memberi perhatian kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk menerusi bidang-bidang pelajaran, kesihatan, dan lain-lain bidang keperluan asas telah ternyata berkesan di mana kita pada keseluruhannya berhasil mencapai suatu taraf kemajuan yang sebahagian besar negara-negara lain belum mencapainya.

Kejayaan yang sedemikian ditambah lagi dengan sikap rakyat serta penduduk yang 'responsive' kepada kehendak-kehendak kemajuan sambil mempunyai pegangan keugamaan yang teguh memungkinkan negara kita akan menempati kedudukan yang terpandang di sisi masyarakat antarabangsa. Semua ini mewajibkan kita untuk bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala. Sambil itu, sebagaimana yang selama ini sudah terbukti kejayaan kita adalah dimungkinkan oleh adanya kepimpinan yang bijaksana dalam membawa negara ini maju setapak demi setapak dalam semua bidang termasuklah bidang politik Kerajaan yang sihat. Maka semua ini melayakkan kita selaku rakyat dan penduduk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta kepada ayahanda Baginda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang telah merintis jalan dengan menyediakan landasannya yang kukuh bagi Negara Brunei Darussalam — Kerajaan dan rakyatnya — memperolehi tarafnya yang wajar di kalangan negara-negara sedunia.

Kita bersyukur dan berbangga dalam makna meneguhkan azam bagi mencapai kemajuan selanjutnya dengan sentiasa mendapat keredaan Allah jua.



BANGUNAN Dewan Bahasa dan Pustakan Negara Brunei Darussalam.

# 25 TAHUN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI

SEMPENA memperingati usia Bahasa Melayu 25 tahun dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam berikut ini disiarkan sebuah rencana mengenai sejarah dan perkembangan Bahasa Melayu di negara ini. Rencana dan gambar-gambar adalah sumbangan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

### PENDAHULUAN

SERINGKALI kita mendengar tentang pentingnya peranan bahasa sebagai alat perhubungan manusia. Kita menggunakannya sebagai alat untuk menyampaikan sesuatu maksud, melahirkan perasaan, fikiran, suka-duka dan sebagainya. Walaupun seseorang itu bisu, pekak atau tuli, ia masih perlu menggunakan bahasa untuk menyatakan sesuatu dan dalam hal ini tentulah ia akan melahirkannya dengan menggunakan bahasa isyarat (sign language). Bahasa dikatakan tumbuh, hidup dan bernafas. Ia melambangkan kewujudan masyarakatnya, mencerminkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat penggunaannya.Bahasa itu akan berkembang dan maju selagi masyarakat memerlukannya untuk berhubung antara satu sama yang lain. Sebab itulah tidak dapat dinafikan tentang peribahasa yang berbunyi bahasa menunjukkan bangsa, hidup bangsa hiduplah bahasa.

### PERLEMBAGAAN

Biasanya sesebuah negara akan menetapkan satu atau beberapa bahasa untuk dijadikan bahasa rasmi negara itu. Pemilihan sesuatu bahasa lazimnya tertakluk pada sejarah gemilang pemakaian bahasa, jumlah penuturnya dan kemampuan bahasa itu sendiri, sebagai alat perhubungan dalam sesebuah negara. Mungkin atas dasar faktor-faktor inilah yang telah menyebabkan Negara Brunei Darussalam memberi taraf akan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Bahasa Melayu pernah memainkan peranan penting di Alam Melayu pada zaman silam. Pada masa pemerintahan Kerajaan Majapahit, Seri Wijaya dan Brunei Tua, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan dan perdagangan.




BEKAS Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar (kanan sekali) semasa menghadiri Sidang Majlis Bahasa Indonesia — Malaysia di Jakarta Indonesia tahun lalu.

Jumlah penutur bahasa Melayu dan yang boleh memahami bahasa ini di negara ini melebihi 70% daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam. Majoriti penduduknya adalah bangsa Melayu dan 5% daripada jumlah penduduk terdiri daripada puak Asli yang juga boleh faham dan bertutur dalam bahasa Melayu. Negara Brunei Darussalam yang beridentiti dan berkebudayaan kemelayuan telah tidak menafikan akan luasnya pemakaian bahasa Melayu di kalangan masyarakatnya. Kemampuan dan potensi bahasa Melayu sebagai alat komunikasi di negara ini memang tidak perlu disangsikan lagi kerana kita menyedari tentang peranan bahasa Melayu yang sedang dipakai dalam aktiviti-aktiviti yang kita lakukan sehari-hari. Oleh itu, memang kenalah pada tempatnya bagi bahasa Melayu didaulatkan menjadi bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 82(1) yang berbunyi:

'Bahasa rasmi negeri ia-lah bahasa Melayu dan hendak-lah di-tulis dengan huruf yang di-tentukan oleh Undang-Undang bertulis.'

Dalam Perlembagaan Negeri Brunei Bab 82 mulai ceraian 1 hingga 5 termaktub bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri.

### SEJARAH

Titik bermula atau bertolaknya kemunculan pemakaian bahasa Melayu di negara ini tidak diketahui. Tarikh 25 September 1959 adalah tarikh bermulanya sejarah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Sejarah pemakaian bahasa Melayu boleh disingkap melalui kegiatan-kegiatan yang dikelolakan oleh sebuah bahagian di bawah pengawasan Pejabat Pelajaran, disebut Lembaga Bahasa yang bertugas bagi mengendalikan bidang kebahasaan, mempertinggikan dan menyebarkan pemakaian bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Lembaga ini telah mengadakan beberapa projek utama seperti Minggu Bahasa dalam tahun 1961 dan Bulan Bahasa dalam tahun 1962. Lembaga ini menganjurkan ceramah mengenai bahasa dan peraduan-peraduan seperti syarahan, bahas, mengarang dan sebagainya dalam bahasa Melayu dengan tujuan mengembangkan pemakaian bahasa Melayu yang betul dan lengkap.

Pelancaran Bulan Bahasa mendapat sambutan baik dari firma-firma dan orang ramai, termasuklah Syarikat Minyak Shell. Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan sikap yang tegas terhadap pemakaian bahasa rasmi ini melalui edaran Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan No. 35/1962 bertarikh 28 Jun 1962 kepada jabatan-jabatan kerajaan.

Antara isi kandungannya ialah:

'Sa-lepas Bulan Bahasa Kebangsaan ini Ketua2 Pejabat ada-lah di-kehendaki untok menghantar satu laporan kapada Bahagian Bahasa dan Pustaka mengenai perjalanan pemakaian bahasa Melayu dalam masa Bulan Bahasa Kebangsaan itu dan ranchangan2 yang di-fikirkan patut di-jalankan untok memudahkan dan menchepatkan pemakaian bahasa Melayu di-Negara ini.'

Pihak Kerajaan tidak pula memaksa seseorang menggunakan bahasa Melayu jikalau ia mempunyai kesulitan dalam bahasa itu. Ini dinyatakan dalam Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 43/1963 bertarikh 17 Ogos 1963.

'Dalam hal melaksanakan pemakaian Bahasa Melayu ini memang ada kesulitan2 yang di-terima, akan tetapi bagi perkara2 yang boleh di-buat dalam Bahasa Melayu hendak-lah di-gunakan dalam Bahasa Melayu....'

Namun, kelonggaran ini tidaklah bererti seseorang dapat menggunakan bahasa lain sesuka hati apabila menjalankan sesuatu urusan yang rasmi.

### KEKELIRUAN

Bahagian Bahasa dan Pustaka telah bertukar nama pada 1 Januari 1965 dan dikenali sekarang sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Jabatan ini tidak lagi di bawah Jabatan Pelajaran tetapi merupakan sebuah jabatan kerajaan yang diberi mandat bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab utama dalam memperkembangkan dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu serta mengawasi pencemaran bahasa. Pertukaran nama ini tercatat dalam Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 7/1965.

Ada orang terkeliru mengenai fungsi penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka dan kerja-kerja yang bersangkutan dengan permohonan bagi mendapatkan taraf kerakyatan Brunei. Pada masa itu ada yang berpendapat Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ditubuhkan untuk mengelolakan permohonan-permohonan itu.

Ini disebabkan salah satu syarat kelulusan bagi

Lihat muka 13

# PERTUBUHAN KHAS BANGSA-BANGSA BERSATU

KELUARAN lalu pembaca telah mengenal sejarah penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan juga mendekatkan kepada tugas PBB dalam menuju ke matlamat yang dikehendaki oleh piagamnya. Kali ini Awang Mohd. Salleh bin Abd. Latif akan membawa pembaca untuk mengenal pertubuhan-pertubuhan khas PBB. Apakah yang dinamakan dengan 'Pertubuhan-Pertubuhan Khas' PBB itu?

### PERTUBUHAN KHAS PBB

Pertubuhan Khas PBB ialah satu pertubuhan persendirian antarabangsa yang diwujudkan oleh negara anggota PBB atau kerajaan yang bukan anggota PBB. Pertubuhan ini mempunyai perlembagaan-perlembagaannya masing-masing, urusetia tersendiri, rancangan tersendiri, dan perbelanjaan tersendiri, ia boleh bergabung dengan PBB meski ia merupakan pertubuhan yang bebas. Misalnya, Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang wujud sejak 1919 telah bergabung dengan Pakatan bangsa-bangsa yang gagal itu. Sebaik-baik saja PBB tertubuh, Pertubuhan Buruh antarabangsa inipun bergabung dengan PBB melalui suatu perjanjian dan diserapkan sebagai 'Pertubuhan Khas' PBB.

### PERKATAAN KHAS

Perkataan khas itu sendiri mempunyai pengertian kerana penggabungannya dengan PBB diwujudkan melalui perjanjian tertentu. Kedua, pengertian khas itu lebih menampakkan ciri-ciri kepakaran dalam bidang masing-masing, umpamanya ada pertubuhan yang menumpukan perhatian kepada perburuhan, permakanan, kajicuaca dan sebagainya.

### JUMLAH PERTUBUHAN KHAS PBB

Sejauh ini sejumlah 15 buah Pertubuhan Khas telah bergabung dengan PBB, tetapi dalam rencana ini saya hanya akan mendekati sejumlah sembilan buah Pertubuhan Khas itu dengan mengecualikan badan dalam bidang kewangan seperti Perbadanan Wang Antarabangsa (International Finance Corporation), Kumpulan Wang Antarabangsa, Bank Pembinaan dan Pembangunan Antarabangsa, Pertubuhan Perundingan Pelaut Antara Kerajaan dan Badan Tenaga Atom Antarabangsa. Enam buah pertubuhan di atas tidak akan disentuh buat ketika ini. Insya-Allah, akan disentuh pada masa yang akan datang.

Pertubuhan yang akan dikenali dalam rencana ini ialah Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan (UNESCO – United National Educational, Scientific and Cultural Organization), Pertubuhan Permakanan dan Pertanian (FAO – Food and Agricultural Organization), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO – International Labour Organization), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO – World Health Organization) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarbangsa (ICAO – International 'Civil Aviation Organization), Pertubuhan Kajicuaca Dunia (WMO – World Meteorological Organization) Kesatuan Pos Sedunia (UPU – Universal Postal Union), Kesatuan Telekom Antarbangsa (ITU – International Telecommunication Union) dan Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA – International Development Association).

### UNESCO

Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu yang singkatan Inggerisnya UNESCO bergerak secara rasmi pada 4 November, 1946 setelah perlembagaannya dipersetujui oleh 40 buah negara, hal ini terjadi di Kota Londan.

UNESCO digerakkan melalui tiga cawangan. Pertama, Persidangan Agung yang dianggotai oleh semua negara anggota di samping bertanggungjawab mengadakan Sidang Agung setiap dua tahun sekali lagi merangka rancangan dan perbelanjaan UNESCO.

Kedua, Lembaga Kerja yang menguasai rancangan Pertubuhan Khas PPB dengan cara mengadakan mesyuarat sekurang-sekurangnya dua kali setahun di samping memberi nasihat kepada Pengarah Agung UNESCO dalam penyusunan rancangan dan anggaran perbelanjaan bagi ditimbangkan oleh Persidangan Agung UNESCO.

Ketiga, sekretariat bertanggungjawab dengan rancangan yang telah dipersetujui itu. Pengarah Agung yang dilantik oleh Persidangan Agung atas sokongan Lembaga Kerja untuk tempoh enam tahun mengetuai cawangan ini.

Sekretariat ini pula terbahagi kepada lapan buah Jabatan Rancangan selain dari beberapa buah bahagian pentadbiran dan perkhidmatan. Jabatan-jabatan ini temasuklah Jabatan Sekolah dan Pelajaran Tinggi, Jabatan Pelajaran Dewasa dan Pergerakan Belia, Jabatan Perkembangan Sains, Jabatan Pensesuaian Sains Kepada Pembangunan, Jabatan Sains Kemasyarakatan, Jabatan Pergerakan Kebudayaan, Jabatan Perhubungan Orang Ramai dan Jabatan Pertukaran Antarabangsa.

Negara anggota PBB dengan sendirinya berhak jadi ahli UNESCO. Negara yang bukan ahli PPB boleh juga menganggotainya dengan syarat dipersetujui oleh dua pertiga undi dalam Persidangan Agung.

UNESCO beranggapan bahawa peperangan itu berpunca dari pantulan fikiran dan hati nurani manusia, jadi bagi menahan nafsu ke arah ini diusahakan benteng. Lojik juga diterima anggapan ini kerana dari perasaan salah sangka, khianat, cemburu, takut, super-ego dan sebagainya memudahakan menimbulkan pertengkaran atau perbalahan. Ketololan memahami di antara satu dengan yang lain juga mewujudkan perselisihan sesama. Bagi mengurangkan, kalaupun tidak menghapuskan, maka UNESCO berikhtiar sedayaupaya untuk membimbing pertubuhan pemikiran manusia secara sihat dengan memberi pendekatan dalam bidang sains, pelajaran, kebudayaan dan perhubungan ramai.

Keperluan ekonomi manusia mestilah diseimbangkan dengan kemajuan sains dan teknikal. Negara-negara membangun memerlukan bantuan dari segi penyelidikan sains dan pelajaran tetapi UNESCO tidak berkemampuan sepenuhnya menolong dari segi bantuan kewangan kepada negara anggota yang memerlukan kerana ia sendiri tidak mempunyai peruntukan kewangan yang lumayan. Dalam hal ini, UNESCO hanya berfungsi sebagai penggalak serta penasihat yang pada hemat saya adalah lebih baik dari memberi bantuan kewangan semata-mata sementelahan pula UNESCO bukan pertubuhan kewangan.

Penilaian keutuhan sesebuah pertubuhan itu tidak hanya disandarkan kepada kesanggupan memberi wang bantuan tapi harus juga ditinjau kepada pemberian panduan kepakaran dalam merancangkan sesuatu dengan cara yang lebih sempurna dan lebih teratur.

Perkembangan sains di kalangan manusia diberi perhatian khusus oleh UNESCO. Untuk ini ditubuhkan Cawangan Kerjasama bagi mengawasi kawasan Amerika Selatan, Timur Tengah, Asia Selatan dan Tenggara Asia. Negara anggota yang mempunyai pakar sains diberi peluang untuk memperdalam kepakarannya itu dengan biasiswa yang dihulurkan oleh UNESCO. Negara membangun dipertunjukkan bagaimana kemajuan suatu sains itu dapat dipergunakan bagi perkembangan perusahaan. Cara serupa itu dapat mengumpulkan pakar-pakar sains dalam merumuskan suatu kemajuan sains yang menguntungkan seluruh manusia. UNESCO juga banyak membantu universiti-universiti dan fakulti-fakulti kejuruteraan dan membekalkan alat-alat kelengkapan untuk bilik-bilik makmal di samping bantuan tenaga dan nasihat kepakaran.

UNESCO juga bersikap terbuka dalam pembentukan sikap dan dasar sains serta penyelidikan dalam perancangan pembangunan kebangsaan masing-masing.

Dasar UNESCO dalam bidang sains ini dapat dirumuskan seperti pertama, penyatuan pakar sains kebangsaan ke peringkat antarabangsa, Kedua, pemikiran-pemikiran antarabangsa dalam bidang sains dapat dikembangkan bersama dengan perasaan saling bantu-membantu, ketiga, kemajuan sains dipergunakan bagi mempertinggi taraf ekonomi dan taraf hidup manusia. Keempat, nasihat kepakaran dapat berpindah ke negara lain bagi memajukan rancangan sains masing-masing.

Kemajuan sains tidak perlu dirahsiakan kalau hal itu sungguh-sungguh dimanfaatkan bagi perdamaian dan ketenteraman manusia sejagat. Penukaran teknologi janganlah terlalu dibungkus dalam perpustakaan masing-masing hinggakan sesuatu yang perlu diketahui oleh sejagat dianggap membahayakan kepentingan bebangsaan.

Tujuan UNESCO menumpukan perhatian dalam bidang pelajaran pula ialah meningkatkan kesedaran tentang perlunya pelajaran itu bagi setiap manusia, mempertingkatkan taraf pelajaran manusia dan persefahaman antarabangsa melalui pelajaran.

Di dunia ini masih banyak yang buta huruf, dan kesan darinya ialah 'buta huruf' secara besar-besaran adalah suatu pencabulan kepada hak asasi manusia – hak mendapat pelajaran – di samping suatu rintangan yang besar kepada perkembangan ekonomi dan suatu ancaman kepada keamanan.

Memang, UNESCO tidak berdaya sepenuhnya untuk membasmi buta huruf ini tetapi dengan kepakaran yang ada padanya, ia dapat membantu dengan bertindak selaku penasihat dalam mengatur gerakan membasmi buta huruf, Jadi, perancangan akan berjalan secara bersistem dan terperinci bukan asal ada saja. Di samping itu UNESCO juga boleh menawarkan biasiswa kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam pembasmian buta huruf itu agar pengetahuan dan pengalaman akan bertambah.

UNESCO juga berpegang kepada konsep yang dipanggil 'Perancangan Pelajaran' yang bermaksud melihat ke depan sewaktu menyusun atau memperkenalkan sistem yang baru. Hendaklah difikirkan bersama dengan mengundang mereka yang berkepentingan dalam bidang-bidang tertentu agar dengan adanya pertukaran pemikiran itu akan dapat disesuaikan dengan kehendak lain bukan hanya diasaskan kepada kepentingan suatu pihak sahaja. Lazimnya, perancangan yang mengetepikan soal-soal lain yang kelihatannya tidak jelas tapi memudaratkan untuk jangka panjang tidak akan bergerak selicin yang diduga seperti luahan kata-kata kerana akan timbul pendapat mantap yang patut diambil kira demi kepentingan bersama. Merancang sesuatu memang mudah tapi tingkat perlaksanaan akan menyebar risiko.

UNESCO juga menumpukan perhatian dalam bidang kebudayaan dengan cara berusaha mengekalkan tamadun purba seperti memelihara peninggalan sejarah yang memantulkan kebudayaan manusia. Kedua, mengadakan pertukaran kebudayaan antara sesebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Dan ketiga, penterjemahan kesusasteraan dunia untuk sama-sama dapat dibaca oleh pelbagai manusia yang memiliki pelbagai bahasa. Satu peninggalan sejarah yang bernilai kebudayaan diusahakan oleh UNESCO agar terpelihara, dirancang begitu rupa agar ketulenannya dapat dijaga sewajarnya.

UNESCO juga beranggapan bahawa 'persefahaman sesama manusia hanya dapat dibentuk atas dasar pengetahuan dan penghargaan terhadap kebudayaan masing-masing'. Lalu, dijalankanlah usaha pertukaran-pertukaran kebudayaan dengan cara penyebaran bahan-bahan kebudayaan barat ke timur dan dari timur ke barat di samping berbincang serta berseminar mengenai kebudayaan masing-masing. Selain itu juga digalakkan mengadakan lawatan di kalangan para seniman, tokoh-tokoh budaya dan lain-lain sama sesama negara anggota.

Kesusasteraan itu mencerminkan tingkat pemikiran seseorang dalam menghadapi suatu masalah, ia juga adalah pantulan pemikiran akibat persekitaran di sekelilingnya. Dalam hal ini UNESCO menjalankan usaha menterjemah hasil-hasil karya sastera ke pelbagai bahasa untuk dinikmati oleh manusia lain. Telah beratus-ratus buah tajuk hasil sastera baik dalam bidang puisi, cerpen, novel diterjemahkan tiap-tiap tahun oleh sekretariat UNESCO yang berpusat di Paris.

UNESCO juga mengambil berat dalam bidang perhubungan awam, media cetak, radio, televisyen dipergunakan sebaik-baiknya oleh UNESCO bagi meningkatkan pertukaran pemikiran manusia dari peringkat kebangsaan ke peringkat antarabangsa.

Lihat muka 4

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-245

# SUAMI MENGAMBIL LANGKAH MERANCANG KELUARGA



UGAMA Islam suruh berkahwin dan suruh beranak berketurunan, bagaimana tersebut dalam Quran dan Hadis Nabi Salallahu Alaihissalam telah menerangkan bahawa orang yang berkahwin itu telah sempurna separuh daripada ugamanya, dan orang berkahwin itu ibadatnya lebih afdal daripada orang yang tiada berkahwin dan Nabi Salallahu Alaihissalam bermegah dan bergembira dengan orang yang berkahwin dan beranak banyak bagaimana tersebut dalam Hadis-Hadis yang banyak.

Memandulkan diri itu hasutan syaitan, dan was-was syaitan yang memberi khayal kepada orang yang takut beranak itu, memandulkan diri itu kelakuan orang jahiliah sebelum datang Islam dan kelakuan orang jahiliah di zaman sekarang daripada orang Majusi, Hindu dan Nasrani dan Yahudi dan perbuatan memandulkan diri kelakuan orang Musyrikin yang menyembah berhala dan bertuhan matabenda sebagaimana orang-orang sosialis sekarang.

Memandulkan diri itu propaganda dan diayah dan hasutan orang-orang Yahudi Zionis dan orang-orang Eropah Amerika dan orang-orang Kapitalis supaya orang-orang Islam dalam dunia mengurangkan anak dan keturunan konon nanti tak cukup makan, konon kurang hasil-hasil makanan tak cukup kesihatan dan lain-lain lagi dalih mereka yang jahat itu, sebenarnya mereka takut kepada orang Islam kalau orang Islam banyak bilangan, banyak manusia, dan dalam negeri-negeri Islam banyak sumber barang mentah dari logam, makanan, kayu-kayan, dan petrol dan sebagainya, seperti di Benua Asia dan Afrika yang belum diteroka maka mereka tiada dapat monopoli bahan-bahan mentah bagi hajat hidup di negeri mereka yang miskin dari bahan-bahan mentah dan penuh salji dan kurang sumber kehidupan, jika orang-orang Asia dan Afrika bertambah banyak bilangan penduduk dan bertambah ilmu kepandaian.

Apabila orang Islam ramai, ia akan menjadi satu tenaga yang kuat menentang dan mengancam kehidupan mereka dan negeri mereka, cuba lihat India kerana banyak bilangan penduduknya, India menjadi kuat walaupun ekonominya tiada begitu teguh dan China angka penduduknya besar, mereka ditakuti oleh Amerika dan Russia yang juga besar penduduknya, sekalipun Russia dan Amerika itu lebih kuat dari China itu.

Jika orang Islam itu memandulkan diri kerana mengikut kelakuan orang-orang Musyrikin sosialis, orang-orang Eropah dan orang Amerika, maka orang Islam yang sebegitu rupa fikirannya adalah berdosa dan derhaka kepada Allah dan bukan ia orang takutkan Allah maka menurut pendapat Al-Alamah ibnu Taimiah mengikut kelakuan dan perbuatan orang kafir itu adalah kufur dan sekurang-kurangnya berdosa dan melawan Allah Taala.

## MENURUT ULAMA ISLAM

Jika orang Islam memakai Kross (cross/salib) dan ia pergi ke gereja bersama-sama orang Kristian dan ia pakai cara Majusi dan pergi bersama-sama Majusi ke Tokong dan ke jirat menanam mayat mereka, maka orang Islam itu telah menjadi kafir dan murtad, kerana orang Islam tiada berbuat begitu seperti orang Kristian dan orang Majusi dan penyembah berhala itu.

Orang Islam itu tiada memakai pakaian kufur dan tiada pergi ke tempat kufur itu, tetapi hatinya berkenan pakaian kufur atau perbuatan atau percayanya kufur itu, maka orang Islam itu telah menjadi kufur, kerana reda dan suka dan berkenan hati akan kufur itu adalah ia kufur.

Orang Islam itu tiada berbuat perkara-perkara yang disebutkan seperti di atas tetapi orang Islam berbuat bagaimana orang-orang kafir berbuat dalam hari-hari raya mereka, maka orang Islam itu telah membuat dosa dan derhaka kepada Allah Taala, kerana ia meniru kelakuan orang-orang kafir itu, dan membanyakkan bilangan orang kafir itu.

Orang Islam itu tiada apa-apa niat dan tiada apa-apa tujuan hanya ia berbuat perkara yang disebutkan dengan serempak dan kebetulan sahaja, maka orang Islam itu telah membuat Makruh sahaja.

Jadi orang Islam yang memandulkan diri, kerana sukakan perbuatan mandul yang dianjurkan oleh orang kafir itu, maka ia berdosa dan derhaka kepada Allah Taala, kerana meniru orang kafir dan kerana menyokong fikiran orang kafir yang salah itu.

Nyata dari keterangan-keterangan yang di atas Islam menegah dari memandulkan diri kerana Islam menggalakkan beranak dan banyak anak, beranak dan banyak anak itu suatu kelakuan dan perjalanan Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul Allah Taala dan perjalanan orang salaf daripada umat Sayidina Muhammad Salallahu Alaihissalam hendaklah ikut perjalanan mereka.

Ada setengah-setengah perempuan peranak, dengan sebab selalu beranak dan banyak anak itu akan mengganggu kesihatan perempuan itu, maka perkara perempuan ini perkara khas baginya, kiranya ia cuba dan dapati dirinya terganggu dan terjejas dengan selalu beranak dan banyak anak itu, maka ketika itu ia boleh berikhtiar mengikat rahim dan memakai sampul tiada beranak (condom), adapun memandulkan diri dengan makan ubat dan menahan beranak dengan menjahit rahim, adalah kelakuan orang kafir kerana apabila perempuan itu sudah rehat sekian lama dan ingin beranak maka ia bukakan ikatan rahim dan ia tiada gunakan sampul itu dan ia dapat anak, kerana manusia selalu berubah-ubah keadaan dan tiada tetap di dalam satu keadaan.

Adapun selalu dan sentiasa makan ubat bagi menahan hamil itu, kata orang-orang arif bahawa ubat itu merbahaya pada kesihatan orang yang makan ubat itu dan apabila selalu ditegah hamil, maka ia jadi mandul tiada beranak langsung kerana telah dibiasakan tiada hamil.

Ringkasnya: Boleh ikat rahim dan boleh gunakan sampul menahan hamil kiranya difikirkan bahawa kerap beranak itu atau beranak itu mendatangkan merbahaya pada kesihatan, sebagaimana sesuatu makanan itu jika dimakan, maka akan mengganggu kesihatan, maka jangan kita makan, makan makanan yang lain.

Dalam ugama Islam ada satu kaedah:

Ertinya: "Perkara-perkara yang sangat-sangat dihajat itu mengharuskan larangan, seperti isteri mesti tinggal dalam rumah suami dan kiranya hendak keluar rumah mesti dapat izin suami akan tetapi apabila rumah suami rubuh dilanda oleh ribut taufan, maka isteri boleh keluar dari rumah dengan tiada payah mencari suami minta izin keluar, kiaskanlah dengan takut merbahaya jika selalu beranak dan lain-lain perkara yang seakan-akan dan seumpama perkara itu dengan memakai kaedah yang di atas ini.

WALLAHUAKLAM

Dari muka 3

Dengan adanya pendedahan serupa ini, sesebuah negara dapat mengetahui kemajuan yang dicapai oleh negara lain. Cara praktikal yang dilakukan oleh UNESCO bagi meningkatkan perhubungan awam ini ialah penghantaran pakar-pakar ke negara yang meminta bantuan bagi mempertinggikan mutu sistem-sistem, seperti radio atau televisyen. Kedua, pemberian biasiswa kepada orang perseorangan, pegawai-pegawai dan seumpamanya bagi memperolehi latihan khas dalam bidang radio, persurat khabaran dan lain-lainnya. Bukti kejayaan pendekatan di atas ialah dengan terbentuknya di Universiti Strasbourg sebuah pusat kajian kewartawanan. UNESCO juga bersedia membantu sesebuah negara untuk mengkaji kemungkinan suatu 'Balai Berita Kebangsaan' umpamanya diwujudkan bagi menampung keperluan yang afdal ini kerana agensi-agensi berita luar negeri kerap melaporkan sesuatu yang tidak serasi dengan aspirasi kita, setengahnya menyebarkan berita palsu malah. Jadi bagi mengimbangi agensi luar negeri ini tidak terlalu awal lagi sesebuah negara yang baru merdeka dan berdaulat penuh untuk membentuk balai berita kebangsaannya sendiri. UNESCO punya pakar-pakar dalam hal ini.

# Penggunaan komputer semakin menggalakkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penggunaan alat komputer sejak beberapa tahun kebelakangan ini begitu menggalakkan perkembangannya di Negara Brunei Darussalam. Bagaimanapun, hanya sebilangan kecil yang mengetahui tentang komputer yang terdiri dari ahli kelab komputer di Sekolah Menengah Kerajaan aliran Inggeris dan para pelajar dari seberang laut yang telah menamatkan pengajian di bidang komputer terutamanya dalam memproses data dan penerangan.

Persatuan Komputer Brunei Darussalam telah didaftarkan pada awal tahun 1983 bertujuan untuk menggalakkan kemajuan ilmu pengetahuan dengan menggunakan komputer di kalangan penduduk negara ini. Pihak sukarela dan beberapa buah jabatan Kerajaan telah membentuk satu jawatankuasa sementara sebagai jentera penggerak persatuan itu. Persatuan tersebut juga mencari sokongan dari berbagai persatuan komputer antarabangsa yang mempunyai tujuan yang sama.

Dengan memperkenalkan sistem 'word-processing' dan 'personal computer' di pejabat dan di rumah-rumah, orang ramai akan dapat membezakan perubahan ataupun kemajuan dalam kaedah-kaedah lama dari segi memproses data pengurusan pejabat. Penuntut juga digalakkan untuk menggunakan alat komputer dalam bidang pendidikan dan dengan adanya alat ini boleh diperolehi dengan harga yang murah ianya akan dapat memberi sumbangan kepada orang ramai dalam meningkatkan efisiensi di bidang pekerjaan dan sistem pembelajaran.

Dalam mencapai matlamat persatuan itu, berbagai kegiatan telah diungkayahkan umpamanya mengadakan mesyuarat, seminar, muktamar, pertunjukan dan penerbitan. Adalah diharapkan agar persatuan itu nanti akan lebih giat dalam memberikan perkhidmatan yang baik, nasihat dan tunjukajar kepada orang ramai dalam penggunaan komputer. Orang ramai yang berminat untuk menjadi ahli Persatuan Komputer Brunei Darussalam bolehlah menulis kepada persatuan tersebut beralamat Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, P.O. Box 601 Bandar Seri Begawan.



SALAH sebuah alat komputer yang sering digunakan dalam memproses data.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26 September, 1984 hingga ke hari Selasa 2 Oktober, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 26–30 | 12.18 | 3.34 | 3.35 | 6.20 | 6.21 | 7.32 | 7.33 | 4.50 | 4.36 | 4.51 | 6.07 | 6.08 |
| 2 | 12.16 | 3.32 | 3.33 | 6.16 | 6.17 | 7.30 | 7.31 | 4.49 | 4.35 | 4.50 | 6.06 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# TAKWA SEBAIK-BAIK BEKALAN




UNTUK mendapatkan keredaan Allah dan keselamatan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat, maka tidaklah ada jalan selain daripada kita bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan berusaha mempertingkatkan keimanan kita dengan cara mengerjakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala apa yang ditegah, di samping membanyakkan amal kebajikan dengan penuh ikhlas kerana Allah jua.

Hari Jumaat yang mulia ini adalah merupakan hari Jumaat yang terakhir bagi tahun Hijrah 1404. Dengan ertikata yang lain minggu ini adalah minggu yang terakhir bagi tahun 1404 Hijrah dan datangnya tahun 1405 Hijrah pula. Adalah bermakna juga bertambahnya lagi umur kita di samping berkurang pula dari umur yang telah ditetapkan Allah kepada kita.

**Sebenarnya peringkat umur kedua ini adalah peringkat yang amat penting bagi diri seseorang itu, untuk menempuhi peringkat-peringkat umur selepasnya, terutama peringkat umur kelima yang tiada lagi akhirnya atau penyudahnya. Soalnya dengan cara apakah kita perguna umur kita di peringkat kedua ini, iaitu peringkat yang sedang kita lalui ini. Di dalam persediaan untuk menempuhi peringkat-peringkat umur yang seterusnya?**

### PEMBAHAGIAN UMUR

Di dalam khutbah kali ini, sempena kita akan menyambut kedatangan tahun Hijrah 1405, maka ada baiknya kita memperkatakan tentang pembahagian umur dan kehidupan yang telah dan sedang dan akan kita lalui, mudah-mudahan dengan itu akan dapat mengingatkan kita akan tempat kehidupan kita yang sebenar-benarnya. Mengikut Imam Habib Abdullah Al-Hadad dalam kitabnya, beliau telah membahagikan atau kehidupan manusia itu kepada lima bahagian, tiap-tiap bahagian dari umur itu terdapat berbagai-bagai pergolakkan dan keadaan yang terus dialami oleh tiap-tiap seseorang. Ada yang berlainan, ada yang bersamaan dan ada pula setengahnya sama dan setengahnya tidak sama

**Umur pertama:** Dari sejak Allah Taala mencipta Nabi Adam Alaihissalam dan dibekalkan zuriat pada tulang punggungnya. Di antaranya zuriat yang bahagia dan zuriat yang celaka. Maka zuriat itu pun berpindah, terus menerus dari tulang sulbi lelaki ke dalam rahim wanita dan dari rahim wanita ke tulang sulbi lelaki. Sehingga lahirlah tiap-tiap orang dari antara ayah dan ibunya.

**Umur kedua:** Dari sejak lahirnya manusia dari kedua ibu bapanya ke muka dunia sehinggalah masa wafatnya dan keluarnya dari alam dunia ini.

**Umur ketiga:** Dari sejak keluarnya manusia dari dunia ini dengan wafatnya sehinggalah ia dibangkitkan Allah setelah ditiup sur (sangkakala), iaitulah masa ianya menunggu di alam barzakh.

**Umur keempat:** Dari sejak keluarnya atau dibangkitkan manusia itu dari kubur ataupun dari masa Allah memerintahkan supaya ditiupkan sur (sangkakala) pada hari kebangkitannya, sehinggalah tiba hari manusia sekalian dikumpulkan di hadapan pengadilan Allah Taala, untuk ditimbang semua amalannya serta dihisab. Sesudah itu meniti sirat, menerima kitab masing-masing dan sebagainya dari berita hal-ehwal hari kiamat baik mengenai keadaannya, kesudahannya dan kesulitannya yang bermacam-macam.

**Umur kelima:** Ialah sejak kemasukan manusia ke dalam syurga untuk kekal di dalamnya yang mana itulah umur yang tiada berhujung dan berakhir. Ataupun dari sejak kemasukan ahli-ahli neraka ke dalam neraka. Sedang keadaan itu nanti satu dengan yang lain adalah tidak sama, ada yang kekal di dalamnya buat selama-lamanya tidak ada batasnya atau akhirnya lagi, itulah orang-orang kafir, selain dari itu dari mereka yang masuk neraka itu juga berbeda jenisnya. Ada yang bernasib baik dapat keluar dari neraka itu, mereka itu ialah orang-orang yang berdosa dari golongan ahli tauhid, sama ada dengan mendapat syafaat ataupun tidak.

**"Rebutlah peluang lima perkara sebelum datang lima perkara: Masa muda sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, masa lapang sebelum sibuk, masa kaya sebelum papa dan masa hidup sebelum mati."**

### PERSEDIAAN

Apa yang ingin disentuh di sini ialah peringkat umur kedua manusia itu, iaitu peringkat sejak lahir dari perut ibu sehingga meninggal dunia atau keluar dari alam dunia ini. Sebenarnya peringkat umur kedua ini adalah peringkat yang amat penting bagi diri seseorang itu, untuk menempuhi peringkat-peringkat umur selepasnya, terutama peringkat umur kelima yang tiada lagi akhirnya atau penyudahnya. Soalnya dengan cara apakah kita perguna umur kita di peringkat kedua ini, iaitu peringkat yang sedang kita lalui ini. Di dalam persediaan untuk menempuhi peringkat-peringkat umur yang seterusnya?

Untuk itu tidak ada jawapan lain, selain daripada yang telah diterangkan Allah di dalam Al-Quran dengan jelas, yang mana sesiapa jua yang tidak memperdulikan atau mengambil berat mengenainya, maka akan mendapat kerugian dan penyesalan yang tiada kesudahannya. Cara yang ditunjukkan Allah itu ialah supaya kita mencari dan menyediakan bekalan dengan sebanyak-banyak bekalan. Dan bekalan itu bukanlah merupakan wang ringgit atau harta dan bukan juga pangkat dan kebesaran dunia, akan tetapi bekalan itu tidak lain selain daripada takwa, iaitu takwa yang sebenar-benar takwa sebagaimana firman Allah di dalam surah Al-Baqarah di dalam ayat 197 yang kira-kira tafsirnya;

**"Sediakanlah bekalan bagi akhirat kamu, maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah takwa."**

### MENDAPAT RUGI

Kita bukanlah tidak disuruh atau tidak digalakkan untuk mencari kesenangan hidup di masa melalui peringkat umur kedua ini. Akan tetapi janganlah sampai kita lupa akan persediaan untuk hidup kita di peringkat yang akan datang, lantaran itu Allah telah memberi peringatan kepada kita supaya kita tidak akan terjumlah di dalam orang yang mendapat kerugian dan menyesal yang tiada berguna. Iaitu sebagaimana firman-Nya di dalam surah Al-Munafikun ayat 9-11 yang kira-kira tafsirnya;

**"Wahai orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh harta kekayaan kamu dan anak pinak kamu daripada mengingat Allah. Iaitu takwa dengan mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Maka barangsiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang yang rugi. Dan belanjakanlah (keluarkanlah zakat atau fidyah) daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu. Sebelum maut datang kepada seseorang daripada kamu. Lalu dia berkata, Tuhanku kalaulah boleh Engkau menangguhkan matiku sedikit masa lagi, nescaya aku akan memberi fidyah dan aku akan menjadi orang yang mengerjakan dan melakukan kebajikan, sedang Tuhan tiada akan memberi tangguh kepada sesuatu jiwa apabila telah sampai ajalnya, dan Allah maha mengetahui terhadap segala yang kamu kerjakan."**

Selain daripada itu nabi Salallahu Alaihi Wassalam sendiri yang memang sifatnya amat sayang akan umatnya, Baginda tidak mahu melihat umatnya itu mendapat kesusahan baik semasa di dunia ini mahupun di akhirat nanti, lantaran itu Baginda mengingatkan kita dengan sebuah hadis Baginda yang kira-kira maksudnya;

**"Rebutlah peluang lima perkara sebelum datang lima perkara: Masa muda sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, masa lapang sebelum sibuk, masa kaya sebelum papa dan masa hidup sebelum mati."**

# "SIAPA?" TANYA ALLAH KEPADA MUSYRIKIN

*Menuju keredaan Allah*

DI DALAM Surah An-Naml dari ayat 60 hingga ayat 64, kita telah dapat melihat dan meneliti bahawa Allah subhanahu wataala bertanya kepada manusia musyrikin sebanyak sebelas kali dengan menggunakan perkataan "siapa" dan sebanyak lima kali Allah menurunkan cabaran-Nya dengan menggunakan perkataan dan pertanyaan, "Adakah Tuhan lain selain Allah?"

Secara rengkas eloklah kita perdengarkan ayat-ayat tersebut dengan tafsirnya ke Bahasa Melayu demikian bunyinya: Ayat 60: "Siapakah menjadikan langit dan bumi serta menurunkan hujan kepadamu dari awan. Lalu ditumbuhkan-Nya kebun-kebun yang cantik di padang. Sedang kamu tidak berkuasa menumbuhkan pohonnya. Adakah Tuhan lain selain Allah?"

Ayat 61. "Siapakah yang mengadakan bumi untuk tempat tinggal. Dan menjadikan sungai-sungai dan gunung-gunung di atasnya? Serta disediakan pula dua macam lautan. Iaitu laut berair tawar dan laut yang berair masin. Adakah Tuhan lain selain daripada Allah?"

Ayat 62: "Siapakah yang memperkenankan doa orang yang sedang kesempitan? Bila ia memohon dan menghilangkan kemalaratan itu? Dan siapakah pula yang menjadikan kamu berkuasa di bumi ini. Adakah Tuhan selain Allah?"

Ayat 63: "Siapakah yang memberikan pedoman bagimu dalam kegelapan perjalanan di darat dan di lautan? Siapa pula yang mengurniakan angin yang bertiup sepoi bahasa itu yang bertiup nyaman menggirangkan hati sebelum datang rahmat-Nya. Adakah Tuhan lain selain Allah?"

Ayat 64: "Siapakah yang menjadikan alam dan makhluk-Nya kemudian akan mengulangi lagi akan penciptaan-Nya itu. Siapakah yang memberikan rezeki dari langit dan dari bumi? Adakah Tuhan selain daripada Allah?"

Di akhir ayat-ayat itu Allah Taala menyambung dengan firman-Nya:

1. Bahkan mereka tetap berpaling dari kenyataan dan kebenaran.

2. Tetapi sayang kebanyakkan manusia tidak mengetahui.

3. Sedikit sekali di antara kamu yang mengambil iktibar (peringatan).

4. Maha tinggi Allah dari apa yang mereka sekutukan. Dan bawalah bukti keterangan kamu jika kamu merasa benar dengan fahaman syirik kamu itu?

Cabaran dan pertanyaan-pertanyaan dari Allah subhanahu wataala itu bukan sahaja khusus ditujukan kepada orang-orang musyrikin dan orang-orang kafir yang hidup 14 abad yang lalu, bahkan juga ditujukan kepada semua bangsa di zaman moden beradab, baik berkulit hitam, yang berkulit putih ataupun yang berkulit kuning, yang hidup di zaman moden sekarang ini. Pertanyaan-pertanyaan ini bukan hanya ditujukan kepada orang-orang yang buta huruf atau buta ilmu pengetahuan, tetapi juga ditujukan kepada seluruh serjana-serjana dan kepada orang-orang intelek, kepada setiap bangsa yang menentang kekuasaan dan kebenaran wujudnya Allah subhanahu wataala.

Bila kamu tidak sanggup menunaikan dan menunjukkan fakta-fakta dan keterangan-keterangan dengan bukti yang dapat diterima oleh akal yang waras, sedang kamu masih kekal menyembah berhala, patung dan lain-lain, maka ketahuilah bahawa kamu benar-benar termasuk manusia-manusia yang menyimpang dari kebenaran, manusia-manusia yang bodoh yang tidak tahu menggunakan akal fikirannya.

Sedarlah manusia yang sudah jauh dari kepercayaan Ugama Islam, bahawa kamu sedang menuju ke jurang kebinasaan dan kesengsaraan yang abadi dengan kesesatan itu, marilah membetulkan arah tujuan sebelum terlambat.



DATO Dr. Haji Johar diiringi oleh Pegawai Perubatan Dr. N.T. Arasu menyaksikan bahagian-bahagian rumah sakit tersebut.

# Pejabat Kesihatan Tutong dirasmi

TUTONG. — Bangunan Pejabat Kesihatan yang baru di Daerah Tutong telah dibuka rasmi pagi Sabtu, 15 September lalu, dengan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin memotong pita di hadapan pintu masuk bangunan tersebut.

Pejabat Kesihatan itu akan menumpukan perhatian kepada perkhidmatan kesihatan kanak-kanak sekolah, kesihatan alam sekitar, anak-anak damit dan ibu-ibu serta perkhidmatan kesihatan bagi kanak-kanak cacat dan sebagainya.

Bagaimanapun, bangunan itu setakat ini hanya akan menempatkan bahagian perkhidmatan kesihatan kanak-kanak sekolah dan alam sekitar.

Bangunan baru Pejabat Kesihatan mula dibina dalam bulan Julai tahun lepas dalam kawasan lebih satu ekar tanah, dan telah siap pembinaannya akhir bulan April tahun ini. Ianya menelan belanja lebih kurang $470 ribu.

Upacara pembukaan rasmi telah bermula dengan ucapan alu-aluan dari Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Daerah Tutong, Dr. N. T. Arasu. Antara lain beliau memberitahu majlis hari itu lebih bertujuan bagi mendedahkan kepada orang ramai perhatian bahagian itu kepada masyarakat.

Para jemputan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, kemudiannya dibawa melawat ke beberapa bahagian pejabat tersebut.

# Penyampaian hadiah peraduan melukis poster

BANDAR SERI BEGAWAN. — Upacara penyampaian hadiah Peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya 1984, akan berlangsung pada jam 9.00 pagi hari Sabtu, 6 Oktober depan, di Bilik Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara.

Seramai 12 orang pemenang akan menerima hadiah masing-masing pada hari tersebut. Peraduan yang dibahagikan kepada lima bahagian pertandingan itu adalah anjuran Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam.

Johan bahagian A, bagi penuntut-penuntut sekolah rendah ialah Awang Roslan Hashim, memenangi tempat kedua pula ialah Awang Puasa Ahmad, manakala pemenang ketiga ialah Awang Haji Jupri Salleh. Kesemua pemenang tersebut adalah dari SM SUAS Muara.

Dalam bahagian B bagi penuntut sekolah menengah bawah, tempat pertama dimenangi oleh Awang Abidin Abd Rashid dan kedua dimenangi oleh Awang Ajihis Haji Terawih, kedua-duanya dari Sekolah Menengah Sungai Kebun, dan pemenang ketiga ialah Awang Abd Rahman Mat Zain dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah.

Sementara itu, tempat pertama bahagian C bagi penuntut sekolah menengah atas, dimenangi oleh Awang Zafri Md. Said dan tempat kedua ialah Awang Saman Haji Ismail, kedua-duanya dari Sekolah Menengah Sungai Kebun, manakala Awang Hambali Abu Bakar dari Sekolah Inggeris Berakas menduduki tempat ketiga.

Dalam bahagian D bagi orang ramai 21 tahun ke bawah tempat ketiga dimenangi oleh Awang Ghani bin Lakim dari Kampong Jangsak Kilanas.

Johan bahagian E bagi orang ramai 21 tahun ke atas ialah Awang NorAriffin bin Md Yassin dari Jabatan Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam, kedua dimenangi oleh Pg Abd Ghani bin Pg Apong dari Radio Televisyen Brunei, manakala menduduki tempat ketiga ialah Awang Haji Tusin dari Sekolah Rendah Pengkalan Batu.

# POKOK BUAH-BUAHAN UNTUK DIJUAL

STESEN-STESEN Pembiakan pokok kekal Batang Mitus dan Tanah Jambu adalah merupakan dua buah stesen pertanian yang khusus dibuka untuk mengeluarkan benih-benih pokok kekal seperti rambutan, limau manis, mangga rendah, mangga wani dan durian. Anak-anak benih ini adalah untuk dijual kepada orang ramai dan untuk dibahagikan kepada para peserta skim tanaman kekal yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian.

Stesen Tanah Jambu yang terletak di Kampong Tanah Jambu, Daerah Brunei-Muara telah dibuka pada tahun 1978 dan mempunyai keluasan hampir 15 ekar dan sejak awal bulan Januari 1981, kerja-kerja pembiakan pokok kekal telah dipesatkan hinggalah sekarang. Sementara itu Stesen Batang Mitus yang terletak di Kampong Batang Mitus, Daerah Tutong mempunyai keluasan 37 ekar dan telah dibuka dan dimajukan dengan pembiakan pokok kekal sejak tahun 1980. Sejauh ini hampir 15 ekar telah pun dibuka dan diusahakan dengan pembiakan berjenis-jenis pokok tanaman kekal.

Harga yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian bagi tiap-tiap jenis pokok buah-buahan ialah rambutan cantum $8.00, durian sanding/cantum $18.00, mangga rendah cantum $15.00 dan limau manis cantum/lakum $8.00.

Orang ramai yang mempunyai tanah yang bergrant bersyaratkan buah-buahan dan ingin untuk membeli pokok buah-buahan yang tersebut di atas, sama ada untuk ditanam di kawasan rumah bolehlah menghubungi pegawai-pegawai luar pertanian yang mengawasi mukim-mukim di daerah masing-masing dan mengisi borang permohonan untuk membeli pokok buah-buahan yang dimaksudkan. Borang-borang permohonan juga boleh didapati di semua pejabat-pejabat pengembangan di Daerah Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong.



GAMBAR menunjukkan anak-anak benih pokok buah-buahan yang telah disediakan untuk dijual kepada orang ramai.



# JAMUAN MAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali yang ke-38 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan jamuan makan pada malam Rabu 12 September lepas di Dewan Pusat Belia di sini.

Majlis itu telah juga diselajurkan dengan penyampaian sijil-sijil kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang disempurnakan oleh Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Si Raja Khatib Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof, Pegawai Pentadbir di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku wakil Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Daud yang menjadi Penasihat Jawatankuasa tersebut.

Majlis dimulakan dengan persembahan silat oleh Awang Haji Damit bin Haji Bolaji.

Awang Ali Akbar bin Abu Bakar, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara selaku pengerusi majlis telah menyampaikan ucapan alu-aluan diikuti oleh ucapan dari Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin.

Orkes Senandung Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka turut juga menyerikan majlis itu dengan persembahan-persembahan kebudayaan.

Majlis itu telah juga dihadiri oleh penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan jemputan-jemputan khas.

# PAMERAN LUKISAN DAN GAMBAR ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buat pertama kali Negara Brunei Darussalam akan menyertai Pameran Lukisan dan Gambar ASEAN kali ke-4 yang akan bermula di Republik Singapura pada 12 Januari 1985.

Pameran itu nanti akan dipamerkan di setiap Negara-Negara ASEAN termasuk Brunei Darussalam dijangka pada bulan November tahun depan. Pameran tersebut bertujuan untuk mengenalkan dan mendedahkan karier para pelukis dan jurugambar tanahair kepada rantau ASEAN dengan harapan untuk mewujudkan kerjasama dikalangan para seniman.

Para pelukis dan jurugambar tanahair adalah dialu-alukan untuk menyertai pameran berkenaan. Para pelukis hendaklah menghantar lukisan mereka ke Muzium Brunei, di Kota Batu, tidak lewat 13 Oktober 1984.

Para jurugambar diminta menghantar slaid mereka kepada Awg. Haji Kamaludin bin PDB Haji Abu Bakar ataupun kepada Awg. Haji Yaakub bin Haji Sunny di Radio Televisyen Brunei tidak lewat 8 Oktober 1984.



## PENGARAH BARU MULAKAN TUGAS

PENGARAH urusan baru Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad Nico Van Dijk dan isteri beliau telah tiba di Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad 2 September yang lalu.

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah disambut oleh Dato Seri Paduka Peter Everett dan Datin Everett.

Nico akan mengambil alih tugas dari Dato Everett pada 15 September lepas. Gambar atas kelihatan kedua-dua pengarah membincangkan sesuatu.

Dato Everett akan meninggalkan negara ini untuk menjadi Pengarah urusan di Shell UK Exploration and Production setelah menjadi Pengarah di Urusan bagi Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan Ketua Eksekutif LNG Brunei.

Sehingga penghujong bulan Ogos ini Nico ialah Timbalan Pengarah Urusan bagi Shell Development Company of Nigeria Limited dan selama 21 tahun bertugas dengan Syarikat-syarikat Gabongan Shell. Beliau berada di Nigeria selama 12 tahun dan juga bekerja di Netherlands dan Qatar. Beliau adalah seorang jurutera Penghasilan.

# Unit pengepam dipagar

UNIT-UNIT pengepam atau lebih dikenali dengan panggilan 'nodding donkeys' merupakan benda yang biasa dilihat dan terkenal di kawasan Seria, Panaga dan Kuala Belait. Kini perubahan telah berlaku di mana pengepam-pengepam tersebut telah dipasang pagar di sekelilingnya.

Pemasangan pagar-pagar di sekeliling unit-unit pengepam yang ada dan pemasangan di masa hadapan menunjukkan sikap Shell Brunei untuk meninggikan keselamatan di padang pengepam.

Kesemua 185 buah unit pengepam akan dipagar untuk menegah mereka yang bukan kakitangan dari memasukinya. Kerja-kerja pemasangan ini dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1985.

Orang ramai akan dapat melihat pagar setinggi tujuh kaki panjang dan empat kaki tinggi terdiri di kawasan pengepam di kawasan perumahan Seria, Panaga dan Kuala Belait sementara unit pengepam yang mempunyai kawalan masa akan dipagar dengan pagar setinggi tujuh kaki. Ini dapat dilihat di jalan besar menuju ibu pejabat dan lorong F7.

Semua pagar-pagar tersebut boleh dipindah-pindah untuk membolehkan kerja-kerja perluasan telaga dijalankan pada masa hadapan.

Borongan-borongan untuk membina dan mendirikan pagar-pagar ini telah diberikan kepada Syarikat Noorlaila Jaya Enterprise dan Sahid Limited kedua-duanya pemborong bumiputera.



SALAH sebuah pengepam yang telah siap dipagar




## Lalulintas peringkat daerah berakhir

KESEMUA pertandingan lalulintas peringkat daerah tajaan Shell Brunei telahpun dijalankan dan kini sebanyak sepuluh pasukan dari keempat-empat daerah telah bersedia untuk bertanding di peringkat kebangsaan yang akan berlangsung pada hari Ahad, 28 Oktober.

Daerah Temburong adalah daerah yang terakhir menjalankannya di mana Sekolah Persediaan Inggeris Bangar telah muncul sebagai juara. Awang Othman bin Damit Pemangku Pegawai Daerah Temburong telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang.

Di Daerah Tutong pula Sekolah Melayu Keriam telah keluar sebagai juara dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Mohammad. Sementara itu di Daerah Brunei-Muara pertandingan yang sama telah dirasmikan oleh Awang Abd Razak bin Haji Muhammad, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan. Sebanyak lapan buah pasukan telah mengambil bahagian di mana Sekolah Melayu Pengkalan Batu telah menjadi johan.



AWANG Abd. Razak bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan, S.M. Pengkalan Batu.

## Sirocco dan Anidah tiba

DUA buah lagi kapal telah tiba di perairan Brunei minggu lepas untuk berkhidmat dengan Shell Brunei.

Kapal-kapal tersebut yang bernama Sirocco dan Anidah (gambar bawah) kepunyaan Muricoast, sebuah firma Brunei telah disewa oleh Perkhidmatan-perkhidmatan Merin Syarikat untuk borongan selama dua tahun bagi membantu operasi-operasi luar pantai.

Sirocco akan digunakan sebagai kapal pemeliharaan dan Anidah yang kecil sedikit digunakan sebagai kapal persediaan.

Jabatan perkhidmatan-perkhidmatan Merin masa ini sedang menggunakan khidmat 68 buah kapal dan tongkang yang disediakan kebanyakannya oleh bumiputera.

## KELAS TEAME PERTAMA BERMULA

RANCANGAN TEAME (Latihan Bagi Pekerja Dewasa) telah dilancarkan dengan rasminya oleh Pengurus Kakitangan Ken Prior pada 17 September lepas.

R.S Pearson seorang pegawai di bahagian pelajaran dewasa Pusat Latihan Shell Brunei memberitahu yang majlis tersebut menandakan bermulanya kelas yang pertama yang dianjurkan dalam rancangan itu.

Kursus tersebut telah diikuti oleh 36 orang pekerja dari semua jabatan di Shell Brunei. Ianya adalah merupakan kursus penuh masa dan berjalan selama lapan minggu. Para peserta akan mempelajari mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

Banyak persediaan telahpun dibuat bagi menjayakan kursus tersebut yang termasuk menyediakan mata pelajaran-mata pelajaran yang bersesuaian dan juga membaiki blok bangunan pusat pelajaran dewasa di Pusat Latihan tersebut. Pusat pelajaran dewasa itu kini mempunyai sebuah khutub khanah, makmal-makmal bahasa dan sains serta bilik-bilik darjah yang selesa.

Kursus tersebut direka khas bagi pekerja-pekerja warganegara yang matang dan berpengalaman yang tidak pernah menghabiskan pelajaran menengah ataupun mereka yang tidak mendapat pendidikan di dalam aliran Inggeris. Ianya juga direka khas bagi mereka yang tidak mengikuti mana-mana skim latihan teknikal dalam syarikat.



## 'Penghulu Luyah' bawa kejayaan Shamsuddin

SHAMSUDIN Idris dari RTB telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang jurugambar kreatif yang baik. Beliau telah mengalahkan peserta-peserta yang lain di dalam pertandingan slaid berwarna tajaan BSM. Beliau telah mendapat tempat pertama dan menggondol dua lagi dari sembilan hadiah saguhati.

Slaidnya yang bertajuk 'Penghulu Luyah' menolong beliau untuk memenangi hadiah yang berupa sebuah kamera lengkap dengan peralatannya. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh bekas Pengurus Am BSM, Awang Mat Suny bin Haji Hussein dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Rumah Shell Brunei di Bandar Seri Begawan.

Pemenang kedua ialah Awang Haji Arpan bin Mohammad dengan 'Morning Talk' dan pemenang ketiga jatuh kepada Awang Mohiddin bin Haji Mokti dengan 'Top Spinning'. Awang Haji Arpan juga telah memenangi tiga hadiah saguhati sementara Awang Wilson T.K. Lai memenangi dua hadiah saguhati manakala Awang Muslim Haji Mohammad Yusof dan Awang Rabaee bin Sabli memenangi seorang satu hadiah saguhati.

Bagi BSM pertandingan itu amatlah menguntungkan kerana selain dari aktiviti sempena menyambut hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ianya juga bertujuan untuk mengenali jurugambar yang berbakat dan dalam menyediakan BSM dengan gambar-gambar yang bermutu bagi kalender 1985.

SUPON Besar, walaupun terletak jauh di Ulu Tutong dengan penduduknya dianggarkan lebih 200 orang namun kampung ini tidak pernah dilupakan, bahkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kemajuan dan kebajikan penduduk-penduduknya sama seperti kampung-kampung pedalaman yang lain.

Perhubungan ke kampung ini sama ada melalui jalan darat atau sungai memang menyulitkan tetapi itu bukanlah menjadi rintangan kepada Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada penduduk-penduduk di situ.



BANGUNAN Sekolah Melayu Supon Besar yang ada sekarang ini dibina pada tahun 1965.

**BUKTI**

Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang menjadi bukti yang nyata betapa kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya dalam meningkatkan taraf kehidupan penduduk-penduduk di situ kerana sebagai rakyat dan penduduk negara ini, mereka juga mendapat hak yang sama untuk menikmati apa juga rancangan-rancangan dan projek-projek yang disediakan oleh kerajaan.

Penerangan-penerangan juga selalu disampaikan secara 'komunikasi interpersonal' oleh pegawai-pegawai Unit Kerja Luar dan Tugas-Tugas Khas, Jabatan Penerangan dan 'Personal Contact' ke kampung ini untuk menerangkan dan memahamkan penduduk-penduduk kampung mengenai sesuatu perkara. Ini memang telah menjadi fungsi Jabatan Penerangan:

* Untuk memberikan gambaran yang jelas dan terang mengenai hal-ehwal yang berkaitan dengan negara dan Kerajaan;
* Untuk mendedahkan projek-projek pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan kepada rakyat dan memberitahu projek-projek terbaharu;
* Untuk menyediakan peluang berdailog antara Kerajaan dengan rakyat bagi mengwujudkan perhubungan yang rapat dan baik; dan
* Untuk mempastikan wujudnya keamanan dan keharmonian.

# SUPON BESAR JAUH DI HULU NAMUN TAK PERNAH DILUPAKAN

OLEH: JAHARI ABD. LATIF

**TERANG DAN JELAS**

Di samping penyaluran maklumat melalui 'komunikasi interpersonal' oleh pegawai-pegawai Jabatan Penerangan, ianya juga dibantu oleh media tv di mana menurut penduduk-penduduk di situ siaran Tv Brunei boleh diikuti dengan terang dan jelas. Ini menunjukkan bahawa maklumat-maklumat telah tersebar luas dan sampai ke kampung ini dengan baik sama ada melalui komunikasi interpersonal atau komunikasi massa (media massa). Penyebaran maklumat ini memang dititikberatkan oleh Kerajaan bagi mempastikan rakyat dan penduduk negara ini khususnya di pedalaman mendapat pengetahuan sivik yang meluas.

Bidang yang juga diutamakan di Kampong Supon Besar ini ialah pelajaran. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan amat menyedari anak-anak di kampung ini perlu diberi pendidikan supaya mereka akan menjadi generasi yang berguna kepada masyarakat, bangsa dan negara di masa depan. Matlamat Kerajaan Baginda itu memang selaras dengan dasar pelajaran kebangsaan yang mewajibkan kepada kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sempurna. Maka ke arah matlamat ini tertubuhnya sebuah sekolah di kampung ini pada tahun 1965. Sekarang sekolah ini mempunyai 45 orang murid (dari pra-sekolah hingga darjah VI), 10 orang guru termasuk seorang guru perempuan dan dua orang guru khas untuk mengajar Bahasa Inggeris. Oleh kerana memandangkan kepada keperluan-keperluan masa kini dan akan datang maka bangunan sekolah yang ada sekarang akan diganti dengan yang baru apabila projek bangunan sekolah baru yang menelan belanja $153,545.60 itu siap menjelang hujung tahun ini.



PEMBINAAN bangunan baru Sekolah Melayu Supon Besar sedang giat dilaksanakan. Projek ini menelan belanja $153,545.60.

Berdekatan dengan sekolah itu juga terdapat sebuah Pejabat Pertanian yang dibina pada tahun 1981 di bawah pengawasan dua orang kakitangan. Ianya difahamkan adalah untuk memberi kemudahan serta menggalakkan penduduk-penduduk kampung bergiat dalam bidang pertanian.

Lain-lain kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti perkhidmatan 'Doktor Udara' yang membuat lawatan sebulan sekali ke kampung ini bagi tujuan memberikan rawatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk-penduduk kampung untuk mempastikan keadaan kesihatan mereka sentiasa terjamin.

Perkhidmatan 'Doktor Udara' ini akan menggunakan pesawat helikopter kerana memandangkan perhubungan yang sukar jika melalui jalan darat atau sungai. Oleh kerana itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan memberi kemudahan dengan memperkenankan penggunaan pesawat helikopter dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk tujuan tersebut.

Kemudahan seumpama ini juga diperkenankan oleh Baginda kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan menjalankan tugas atas urusan Kerajaan Baginda ke kawasan-kawasan pedalaman yang terpencil jika terdapat kesukaran perhubungan.



BANGUNAN Pejabat Pertanian Supon Besar yang dibina pada tahun 1981 (atas).

KELIHATAN beberapa orang memunggah barang-barang dari pesawat helikopter ABDB yang membawa 'Doktor Udara' di satu kawasan pendaratan Kampong Supon Besar (bawah).





KELIHATAN salah sebuah perahu tamuai yang membawa beberapa orang penduduk baru saja sampai untuk pergi ke klinik, sementara berjalan di atas 'batang' itu ialah Ketua Rumah Panjang Supon Besar, Awang Jamaluddin bin Abdullah yang hendak pergi ke Pekan Tutong untuk menghadiri mesyuarat bulanan Penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang.

# SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran tanah-tanah di Daerah Tutong akan menggunakan Komputer untok membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka dijunjung/dipersilakan hadir ke Unit Penaksir Pejabat Tanah, Tutong atau Unit Penaksir Pejabat Tanah, Brunei pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

| EDR NO. | LOT NO. | NAMA | LETAK TANAH |
|---|---|---|---|
| 14 | 9 | Sura bin Usop | Lubok Pulau. |
| 14 | 9 | Maja bin Usop | Lubok Pulau. |
| 30 | 91 | Ahmad bin Munggu | Tanjong Maya. |
| 46 | 107 | Abd. Samat bin Gani | Tanjong Maya. |
| 46 | 107 | Samat bin Abdul Ghani as administrator of Abd. Rahman bin Ghani's estate. | Tanjong Maya |
| 65 | 37 | Md. Idris bin Damit as administrator. | Lubok Pulau. |
| 179 | 258 | Tamin bin Japarali | Penyatang. |
| 185 | 377 | Hashim bin Salleh | Kandang. |
| 190 | 82 | Ag. Taib bin P.O.K. Digadong Ahmad. | Sungai Birau. |
| 194 | 188 | Mohd. Hussin bin Ludin as administrator. | Birau. |
| 222 | 200 | Ukot binti Badang | Sungai Bekiau. |
| 222 | 200 | Ampil bin Inja | Sungai Bekiau. |
| 222 | 200 | Panggil bin Inja | Sungai Bekiau |
| 222 | 200 | Daun bin Inja | Sungai Bekiau |
| 222 | 200 | Suit binti Inja | Sungai Bekiau |
| 222 | 200 | Tampirit binti Inja | Sungai Bekiau. |
| 222 | 200 | Ramai binti Inja | Sungai Bekiau. |
| 222 | 200 | Idop binti Inja | Sungai Bekiau. |
| 221 | 203 | Adat bin Ilis | Sungai Bekiau |
| 224 | 199 | Burot bin Orang Kaya Langar | Sungai Bekiau |
| 227 | 223 | Nafiah bin Sulaiman | Sungai Bekiau |
| 227 | 223 | Ali bin Sulaiman | Sungai Bekiau. |
| 227 | 223 | Norjinah bte Sulaiman | Sungai Bekiau. |
| 237 | 353 | Masneh bte Abas | Petani. |
| 237 | 353 | Noriah bte Awang Munap | Petani |
| 237 | 353 | Fatimah bte Abas | Petani |
| 237 | 353 | Ahmad bin Othman | Petani. |
| 237 | 353 | Kamariah binti Jaludin | Petani. |
| 237 | 353 | Jauyah binti Jaludin | Petani. |
| 243 | 254 | Ibrahim bin Matali | Penyatang. |
| 243 | 254 | Minah bte Mohamed | Penyatang. |
| 243 | 254 | Maiah bte Mohamed | Penyatang. |
| 245 | 273 | Sulaiman bin Jappar | Temburong. |
| 245 | 273 | Matahir bin Sapar | Temburong. |
| 247 | 239 | Haji Abdulrajak bin Omar Diraja | Penyatang. |
| 253 | 360 | Mohidin bin Yusof | Petani. |
| 257 | 193 | Pengiran Ahmad bin Pengiran Ismail | Sembatang. |
| 276 | 18 | Ahim bin Ismail | Petani. |
| 276 | 18 | Bakar bin Dato Jahir | Petani. |
| 276 | 18 | Bongso bin Dato Jahir | Petani. |
| 276 | 18 | Matassan bin Ahmed | Petani. |
| 279 | 378 | Pengiran Seri Alam bte Pengiran Ismail as administrator | Kandang. |
| 297 | 412 | Mohammad bin Haji Zainal Abidin as administrator | Panchor Papan. |
| 299 | 397 | Jalani bte Hj. Zainudin | Birau. |
| 299 | 397 | Dayang Masnuyah bte Haji Zainudin | Birau. |
| 299 | 397 | Mastura binti Zainudin | Birau. |
| 305 | 381 | Aning bte Tan See Puan | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Itam bin Bunchan | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Bisai bte Bunchan | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Jepun bte Galohong | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Lukan bin Galohong | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Gemok bin Galohong | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Amoi bte Galohong | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Apong bin Juat | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Yawa bte Juat | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Buji bte Juat | Pengkalan Piasan. |
| 305 | 381 | Kian bte Juat | Pengkalan Piasan. |
| 316 | 443 | To Kui Siang | Penulot. |
| 335 | 445 | Tay Giok Lian | Penulot. |
| 335 | 445 | Lim Su Jin | Penulot. |
| 335 | 445 | Lim Cheng Choo | Penulot. |
| 335 | 445 | Yap Cheng Teck | Penulot. |
| 340 | 442 | Mohamed Said bin Haji Ahmed | |
| 345 | 537 | Haji Mohamad Puting bin Haji Pengarah Rahman | Kupang. |
| 346 | 536 | Pengiran Haji Othman bin Pengiran Mustapha | |
| 348 | 532 | Hajjah Dayang Aisah binti A. Metusin | |
| 356 | 527 | Juatan Dalam Awang Mohamad Yusoff bin Juatan Mohamed Hussin | Maraburong. |
| 357 | 519 | Lim Teck Hoo | Kupang. |
| 360 | 528 | Haji Ahmad bin Pehin Laksamana Othman | |
| 369 | 601 | Mat Sallih bin Gapor | Birau. |
| 395 | 503 | Pengiran Ibrahim bin Pengiran Radin | Besar. |
| 397 | 501 | Lim Teck Seng | Tanjong. |
| 397 | 501 | Lim Kong Chan | Tanjong. |
| 405 | 543 | Dennis bin Payong | Birau. |
| 418 | 561 | Pengiran Ali bin Pengiran Haji Sulaiman | Bekiau. |
| 422 | 589 | Embat Ayot @ Christina Ayok | B. Tangsi. |
| 425 | 600 | Norjinah binti Ahmad | Bukit Berangan. Birau. |
| 425 | 600 | Fatimah binti Ahmad | Bukit Berangan Birau. |
| 425 | 600 | Hasim bin Ahmad @ Hashim | Bukit Berangan Birau. |
| 425 | 600 | Abd. Razak bin Ahmad @ Abdul Razak | Bukit Berangan Birau. |
| 425 | 600 | Abdullah bin Ahmad | Bukit Berangan Birau. |
| 428 | 274 | Matassan bin Bingkang | Temburong. |
| 433 | 571 | Nawang bin Tamit as administrator. | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Norjinah binti Yahya @ Jinah binte Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Timbang bin Sia @ Timbang bin Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Libut bin Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Sisah bte Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Junih bin Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Othman bin Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Suhaili bin Yahya | Bukit Panggal. |
| 436 | 565 | Kaisah binti Yahya | Bukit Panggal. |
| 455 | 368 | Benson bin Tunggong | Penulot. |
| 456 | 369 | Tingng bin Onggong @ Tingng bin Tunggong | Bukit Udal. |
| 458 | 607 | Mat Tusin bin Garip | Keriam. |
| 458 | 607 | Abd. Rahman bin Tinggal | Keriam. |
| 459 | 608 | Tamit bin Sidik | Keriam. |
| 460 | 606 | Mat Jair bin Dollah as administrator | Kalakas. |
| 465 | 462 | Tarip bin Sulaiman | Sg. Benchaya Penyatang. |
| 466 | 472 | Aziz bin Tarip | Benchaya Telisai. |
| 467 | 557 | Musa bin Yaakub | Sg. Sembatang. |
| 467 | 557 | Kaplee bin Usop | Sg. Sembatang. |
| 467 | 557 | Asmah binti Usop | Sg. Sembatang. |
| 467 | 557 | Kifli bin Md. Yusof @ Zulkifli as administrator of Maisalamah binti Yusof's estate | Sg. Sembatang. |
| 478 | 467 | Capitan Ong Boon Pang | Sg. Benchaya, Penyatang. |
| 481 | 463 | Abu Bakar bin Mohamad | Sg. Benchaya, Penyatang. |
| 482 | 466 | Jair bin Sukot | Sg. Benchaya, Penyatang. |
| 486 | 464 | Lamit bin O.K. Muda Usop | Sg. Benchaya, Penyatang. |
| 489 | 470 | Barahim bin Dukot | Sg. Benchaya, Penyatang. |
| 514 | 316 | Taisah binti Adi | Sungai Abang. |
| 523 | 624 | Hamzah binti Labai | Lubok Pulau. |
| 529 | 125 | Sulaiman bin Ratu as administator | |
| 543 | 135 | Ganti binti Laham | Pemadang. |
| 543 | 135 | Husni binti Abdul Majid | Pemadang. |
| 544 | 137 | Rabiah binti Lamat as administrator | Sungai Besar. |
| 554 | 172 | Sai Thian En @ Sia Thian En | Kuala Abang. |
| 559 | 183 | Pengiran Idris bin Pengiran Murah | |
| 560 | 722 | Chua Kong Seng | Petani. |
| 568 | 644 | Hajjah Yukmas binti Mohammad | Kelugos, Sembatang. |
| 573 | 641 | Langit binti Gowau as administrator | Benutan. |
| 574 | 642 | Kanup anak Gerong as administrator | Pengkalan Pitan. |
| 581 | 662 | Siti Ajar binti Bandari Mohamed | Sembatang. |
| 585 | 645 | Amat bin Salam | Kelugos, Sembatang. |
| 585 | 645 | Simpon binte Jemudin | Kelugos, Sembatang. |
| 585 | 645 | Ahad bin Salam | Kelugos, Sembatang. |
| 585 | 645 | Siti binti Salam | Kelugos, Sembatang. |
| 585 | 645 | Tujoh bin Salam | Kelugos, Sembatang. |
| 587 | 474 | Ahmad bin Haji Akbar | Benchaya. |
| 590 | 664 | Chong Choo Hing (Dick Chong) | Pengkalan Rambai. |
| 592 | 648 | Lutong bin Kawayan | Pulau Sindat. |
| 595 | 665 | Tunggui @ Tunggoi bin O.K. Ari administrator | Sungai New York. |
| 601 | 629 | Ugong bin Umok | Pengkalan Ra'an. |
| 602 | 627 | Buang bin Punggot | Pengkalan Ra'an. |
| 603 | 657 | Tingkah bin Tamanok | Tanjong Ukong. |
| 607 | 677 | Tarip bin Sulaiman | Benchaya Telamba. |
| 612 | 669 | Raniah binti Rendah | Pemadang. |
| 615 | 670 | Ling Foon Yee | Pemadang. |
| 618 | 1058 | Sapi bin Bentut | Pulau Sindat Bukit. |
| 625 | 914 | Gudang binti O.K. Andar Yamau | Ukong. |
| 626 | 941 | Yanai binti Obol | Telok Beruang, Layong. |
| 633 | 3852 | Dome Anak Janah | Benutan. |
| 633 | 3852 | Manai Anak Janah | Benutan. |
| 635 | 1143 | Abas bin Anggut | Benutan. |
| 635 | 1143 | Banun binti Anggut | Benutan. |
| 635 | 1143 | Gumpulan b. Jangut @ Gumpùlan b. Anggut | Benutan. |
| 635 | 1143 | Malayah b. Jangut @ Simai bte Anggut | Benutan. |
| 639 | 1056 | Amoi bin Asat | Bang Pangan. |

# RTB Intisari minggu ini

## Drama Khas: *HIJRAH*

**Oleh: S.J SAWAS**

BERSEMPENA dengan Tahun Hijrah, Radio Brunei akan menyiarkan sebuah Drama Khas yang juga diberi tajuk HIJRAH tulisan S. J. Sawas, Negara Brunei Darussalam.

Penulis mengutarakan tentang kehidupan seorang banduan yang sukar untuk menyesuaikan dirinya dengan orang di sekelilingnya setelah ia dibebaskan. Watak Halim tetap dianggap sebagai seorang yang jahat, walaupun ia telah benar-benar menginsafi akan kesalahannya dan bertekad untuk mengubah penghidupannya.

Dengan bantuan dan nasihat dari seorang Ustaz, Halim dapat juga menguatkan hatinya walaupun cemuhan masih diterimanya dari masyarakat. Ayahnya sendiri merasa sangat malu untuk menerima kepulangan Halim. Perasaan malu Halim lebih-lebih lagi terguris apabila keluarga Limah tunangannya memutuskan hubungan mereka.

Kerana kesulitan-kesulitan itulah Ustaz menasihatkan Halim berpindah ke daerah lain. Ia mengikuti nasihat Ustaz itu dan berhijrah ke Daerah Belait di mana ia menikmati kehidupan baru.

Bekas tunangannya Limah pula telah berkahwin dengan Ahmad, seorang askar yang kemudiannya diberhentikan kerana sering tidak datang bekerja. Kerana tidak ada pekerjaan, Ahmad mengajak Limah untuk berpindah ke Kuala Belait untuk mencari pekerjaan di sana. Setelah berada di sana, keadaan mereka semakin buruk hinggalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan berlaku. Di saat-saat beginilah Limah melutut semula pada Halim untuk mendapatkan bantuan.

Apakah kejadian buruk itu? Bersediakah Halim menghulurkan bantuan pada Limah yang dulu pernah menjadi tunangannya? Untuk mengetahuinya, ikutilah siaran Drama Khas ini pada 27 September, 1984 jam 9.00 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.

## Siapa Juara MUTIKA '84?



Zainab Ibrahim



Masni Ali



Mohammad Haji Metussin



Samat Yussof



Jainah Haji Othman



Salmiah Haji Hasbollah



Merani Andok



Ak Metussin Pg Hj Seruddin



Esmit Hj Mohd Yassin



Kalsum Alli

"PERTANDINGAN Akhir Mutika 1984 akan dilangsungkan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada hari Sabtu 29 September, 1984 ini mulai jam 8.35 malam.

Seramai 10 orang peserta telah terpilih memasuki peringkat akhir itu.

Mereka ialah: Zainab Ibrahim, Masni Ali, Mohammad Haji Metussin, Samat Yussof, Jainah Haji Othman, Merani Andok, Ak Metussin Pg Haji Seruddin, Esmit Haji Mohd Yassin, Kalsum Alli, Salmiah Haji Hasbollah.

Juara Mutika akan menerima sebuah piala pusingan, wang tunai $2,000 dan sebuah piala iringan.

Naib Juara menerima wang tunai $1,500 dan sebuah piala iringan dan ketiga wang tunai $1,000 dan sebuah piala iringan.

Sementara semua 'finalist' akan menerima wang tunai $400 seorang beserta sebuah piala iringan.

Penyanyi Undangan pada malam itu ialah Kathy Ibrahim penyanyi piring hitam dari Malaysia.

Sementara itu TV Brunei akan mengadakan rakaman Persembahan Artis Undangan Kathy Ibrahim bertempat di Dewan Raya pada hari Isnin 1 October, 1984 jam 8.00 malam dan terbuka kepada ramai menyaksikannya.

Acara malam itu juga akan diserikan oleh artist-artist tempatan seperti: Redzuan Abu Hassan, Sauidy Trokie, Rassiah Annuar, Wong Pau Chi.

Dan pancaragam pengiring ialah Orkes Perdana dari Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

## Radio minggu ini:

## RADIO BANYAK MERAKAM PERISTIWA-PERISTIWA BERSEJARAH

MALAM tahun 1959, Majlis Mesyuarat Negeri Brunei telah meluluskan rancangan untuk menubuhkan perkhidmatan kecil siaran radio dengan tujuan supaya dapat berdamping rapat dengan penduduk-penduduk di negara ini, di samping menghidangkan lagu-lagu serta hiburan-hiburan yang lainnya. Begitulah matlamat awal Kerajaan waktu itu di bidang penyiaran radio.

Kemudiannya, tepat pada Hari Raya Puasa, 2 Mei, 1957, berkumandanglah suara Radio Brunei ke udara yang ucapan pembukaan rasminya disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (sekarang bergelar Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin). Itulah permulaan peristiwa-peristiwa bersejarah yang dirakamkan oleh Radio Brunei.

Selepas itu mulalah Radio Brunei merakamkan berbagai-bagai peristiwa bersejarah yang berlaku di Negara Brunei Darussalam ini. Di antaranya yang menjadi kenangan manis dan sebagai perantis era bekerajaan sendiri negara kita ini ialah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, di Lapangan Terbang Lama Berakas, pada 14 Mac, 1959. Ketika itu baginda berserta rombongan akan menaiki kapal terbang menuju ke London, bagi merundingkan Perlembagaan Brunei 1959.

Pada 29 September, 1959 Radio Brunei sekali lagi merakamkan secara besar-besaran saat yang bersejarah bagi mengisytiharkan perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam. Rakyat dan penduduk di seluruh negara berpeluang mengikuti peristiwa bersejarah tersebut menerusi siaran langsung dari Radio Brunei.

Satu demi satu peristiwa-peristiwa bersejarah di dalam negeri dirakamkan oleh Radio Brunei. Hinggalah ke saat-saat hari pemasyhoran kemerdekaan yang penuh berdaulat, pada hari Ahad, 1 Januari, 1984.

Dan beberapa hari lagi, seluruh masyarakat di negara ini akan berpeluang pula mendengar pengisytiharan keahlian Negara Brunei Darussalam, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Sebagai media siaran Kerajaan yang ulung di negara ini, Radio Brunei akan mendekatkan para pendengar dengan peristiwa-peristiwa yang bersejarah itu.



MINGGU ini tetamu akan memuatkan temubual Salmah Haji Abdul Rahman dengan Pengarah utama P. T. Putera Filem, Tuan Haji Kama Sudra Syafiee dari Indonesia. Siarannya akan dapat diikuti pada hari Ahad jam 5.00 petang.

## Sandiwara radio: DI HUJUNG SENJA

PENULIS Norhisham Mustafa, Kelantan Malaysia dengan Sandiwara karyanya yang berjudul DI HUJUNG SENJA akan mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Sesuatu perbuatan yang jahat itu, walaupun sudah lama pasti akan menjadi kenangan buruk jua. Demikianlah halnya dengan watak Mahmud yang ketika mudanya telah menggelapkan harta saudara sepupunya dan adik beradiknya sendiri.

Semua kisah lamanya terbongkar semula apabila ia terlantar di rumah sakit dan secara kebetulan ditempatkan di katil yang berdekatan dengan katil Rasyid, anak kepada sepupunya yang telah ditipunya dulu. Kalsom, ibu Rasyid sendiri yang menceritakannya pada Rasyid.

Walaupun telah mengetahui kejadian sebenar dari ibunya, Rasyid sedikitpun tidak menaruh perasaan dendam pada Mahmud, malah menaruh perasaan simpati dan ingin membantunya. Mula-mula ibu Rasyid menentang keras akan tindakannya itu, tapi lama kelamaan menjadi lembut apabila Rasyid berjaya memujuknya untuk melupakan perkara yang sudah berlalu.

Hanya ibu Rasyidlah yang mengetahui di mana adanya keluarga Mahmud. Akhirnya mereka pun bertemu dengan Saemah, adik kandung Mahmud dan juga Amir seorang dari anak-anak Mahmud. Usaha Rasyid dan ibunya menemui jalan buntu, mereka enggan menjenguk keadaan Mahmud yang semakin tenat di rumah sakit kerana terdorong oleh perasaan dendam yang belum habis.

Sampai bilakah dendam mereka itu akan berakhir? Dapatkah Mahmud disembuhkan dari sakitnya? Untuk mengetahuinya, ikutilah siarannya pada 30 September, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Saloma Haji Mahmud.



## Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan menampilkan pendengar kita kali ini iaitu Dayang Ani Haji Tamin di alamat Kampong Sungai Tampoi, Sengkurong, Negara Brunei Darussalam.

Dayang Ani akan bersama awda semua pada hari Selasa 2 Oktober jam 4.00 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 26 SEPTEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 INSPECTOR GADGET
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.45 WILD KINGDOM : "The Tiger Of Sariska"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD KINGDOM — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- DOA AKHIR TAHUN
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- DOA AWAL TAHUN
- 6.31 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART : "Straight Through The Hart" Jonathan Hart berjaya dan bergaya dengan glamor dunia polo dengan tidak menyedari bahawa dia dan Jennifer menjadi sasaran pembunuhan dalam skim penyeludupan menggunakan kayu pemukul bola polo yang mahal.
- 7.33 AZAN ISYAK
- 7.37 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 PERUTUSAN TAHUN BARU HIJRAH
- 8.45 CERAMAH HIJRAH
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 ARE YOU BEING SERVED : "Monkey Business"
- 9.55 THE MISSISSIPPI : "The Trial Of Ben Walker"
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR : "Magnum Force"
- 12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 27 SEPTEMBER

**PETANG**

- 2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 MUTIARA
- 3.00 THE WORLD OF ISLAM : "5 Pillars of Islam" (Ulangan)
- 3.30 MUZIKARAMA
- 3.35 AZAN ASAR
- 3.39 MUZIKARAMA — sambungan
- 4.20 WONDERS OF THE WORLD : "Four Face The Giants Giva"
- 5.05 TITIAN NADA
- 5.50 PACMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 GENDANG PAK BELALANG (Hiburan untuk Kanak-kanak dari SBC — Ulangan)
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.31 GENDANG PAK BELALANG — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CUTTER TO HOUSTON : "Tell Me A Riddle, Daddy" (Episod terakhir)
- 7.33 AZAN ISYAK
- 7.37 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Keagungan Tuhan"
- 11.15 HAWAII FIVE O : "Voice of Terror"
- 12.05 MAN ABOUT THE HOUSE : "In Praise Of Older Men"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 28 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.
- 1.24 JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY : "Clipperton : The Island Time Forgot"
- 2.10 CRUSADER RABBIT : "Two On The Isle"
- 3.00 RUBIK THE AMAZING CUBE : "Power-Girl Lisa"
- 3.25 WEBSTER
- 3.35 AZAN ASAR
- 3.39 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT
- 4.30 YOU ASKED FOR IT
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.31 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 WISHMAN (Ulangan)
- 7.33 AZAN ISYAK
- 7.37 WISHMAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
- 8.45 CERAMAH HIJRAH
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 MUTIKA PREVIEW
- 10.10 DRAMA : Anggerik Putih" — Bhg. I
- 10.55 KNOTS LANDING : "One King of Justice"
- 11.45 REGGIE : "Mark's Girlfriend" Dengan cara yang unik Reggie cuba menyesuaikan dirinya dengan krisis hidupnya dengan isteri, anak-anak dan bossnya.
- 12.15 MIKE HAMMER : "Vikie's Song" Apabila seorang penyanyi wanita kawan baik Mike yang meningkat naik didapati mati kerana overdose, Mike bertindak dengan siasatan terhadap dadah.
- 1.05 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 29 SEPTEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY : "The Monstrous Seaweed"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA : "A Singular Island"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.31 DOMESTIC LIFE : "Good Neighbour Cliff"

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER : "Custom K.I.T.T."
- 7.33 AZAN ISYAK
- 7.37 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 MUTIKA 1984 AKHIR
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Ceritaku, Ceritamu"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 30 SEPTEMBER

**PETANG**

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 TEETIME AND CLAUDIA
- 2.25 PINK PANTHER INSPECTOR
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.35 AZAN ASAR
- 3.39 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.10 FANTASY ISLAND
- 5.05 HONDO : "The War Hawks"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE WORLD WE SHARE : "Kinchega Under New Management"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.31 BENSON

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON : "Betty Grable Flies Again"
- 7.33 AZAN ISYAK
- 7.37 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI DEWAN RAYA
- 9.30 JOURNEY INTO INDIA : "Cochin"
- 10.00 CONDO (Siri baru)
- 10.50 REILLY : ACE OF SPIES : "Gambit"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 1 OKTOBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKE OF HAZZARD
- 5.00 SUPERFRIENDS : "Journey Through Inner Space"
- 5.30 THE POSEIDON FILES : "Secret Of Red Sea" Bhg I
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.17 AZAN MAGHRIB
- 6.27 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BARE ESSENCE (Siri baru)
- 7.31 AZAN ISYAK
- 7.35 BARE ESSENCE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 WRESTLING
- 10.10 THE GREAT LITTLE RAILWAYS OF THE WORLD : "Land Beyond The Mountain"
- 11.00 EUREKA STOCKADE
- 11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 2 OKTOBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ARCHIES TV FUNNIES
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL "Bird With Two Hats"
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA : Sea Behind The Dunes
- 6.17 AZAN MAGHRIB
- 6.27 NOVA — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY : "The Last Drive"
- 7.31 AZAN ISYAK
- 7.35 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.30 THE YELLOW ROSE : "Drive And Conquer"
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR : "Russian Roulette"
- 11.50 BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
- 12.20 SIARAN TAMAT.



SETELAH berpindah ke rumah barunya James Kirbridge menyangka jirannya Jessie Rodriguez sebagai tukang kebun. Inilah punca kisah siri komidi baru yang bermula Ahad depan jam 10.00 malam. Gambar dari kiri, Mark Schubb (sebagai Scott Kirkbridge), McLean Stevenson (James Kirkbridge) dan Luis Avalos (Jessie Rodriguez).

## Rancangan TVP

### Dari 1 hingga 3 Oktober

**ISNIN — 1 OKTOBER**

**PAGI**

- 8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Air, Air Di Mana-Mana) Rancangan ini menerangkan kepada murid-murid bahawa udara mengandungi air. Bagaimana air boleh terdapat di udara ? Untuk menjawabnya perhatikanlah percubaan-percubaan yang dibuat oleh guru TV dalam rancangan ini.
- 9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Measurement) Rancangan minggu ini mengajar murid-murid mengenai ukuran dan sukatan. Murid-murid juga berpeluang melihat jungkit-jungkit yang digunakan untuk membezakan berat dan ringan. Di Magic Pool murid-murid akan diajar beberapa perkara yang bermula dengan huruf 'u'.

**SELASA — 2 OKTOBER**

**PAGI**

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Air, Air Di Mana-Mana)
- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Measurement)

**RABU — 3 OKTOBER**

**PAGI**

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Air, Air Di Mana-Mana)
- 9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Measurement)

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 26 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita, 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ke-empat), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15—Lagu-lagu Keroncong, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 27 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Drama Khas Hijrah, 10.15 — Selingan Lagu-lagu Hijrah/Pedoman, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Nada Hijrah.

**TENGAH HARI:** 12.15 — Untuk Awda, 1.30 —Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Ristaan Hijrah, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 5.45— Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassim, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 28 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Pilihan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 29 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Mutika Separuh Akhir siri ke-4.

**PETANG:** 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 —Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 30 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Hari Minggu, 10.15—Majalah Perdana, 11.00 — Hiburan, 11.30 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

**TENGAH HARI:** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 —Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 —Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 1 OKTOBER

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Sains Dan Perusahaan, 11.00 — Sukma Ria, 11.30 — Untuk Awda.

**TENGAH HARI:** 1.30—Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 2 OKTOBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

**TENGAH HARI:** 1.30—Kusampaikan Salam.

**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 2 (side 3 of 3) |
| 9.00 | Popular Classic: Concerto Classical Disc 6 (side 1 of 2 cut 1 & 2). |
| 9.30 | Talking About Music — 280/290. |

### Thursday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | World Theatre: "A Doll's House" by Eric Ibsen. |
| 9.30 | Peter Skellern Entertains (side 2 of 2) |

### Fridays/Holidays

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Theatre: Falling by Jonathan Raban. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 623. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | 19th Cambridge Folk Festival: Cilla Fisher and Artie Frezise — 2/12. |
| 12.45 | My Music — 319/436 |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 1/15. |
| 1.30 | Break for music with Malay traditional songs — 40/40. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.00 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 3 side 2B & 3B) |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.30 | Thirty-Minute Theatre: "The Last Visit by Dave Simpson. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with ...... (repeat) |

### Saturday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany. |
| 8.30 | Animal, Vegetable or Mineral — 38/46. |
| 9.00 | Strictly Instrumental |
| 9.30 | Top of The Pops — 1035. |

### Sunday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia — 19/26. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date With ...... |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1035 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings |
| 2.45 | "Patterson" by Malcolm Bradbury & Christopher Bigsby — 2/8. |
| 3.15 | Just for variety |
| 8.00 | Our Views — 19/26 (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 31/60 |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 4 side 1A) |

### Monday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Rasselas" by Samuel Johnson |
| 8.45 | The Guitar Greats: Jeff Beck — 6/14 side 1 of 2. |
| 9.30 | The New Swingle Singers Prog. 2 "Songs of Love" |

### Tuesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: Vintage Genesis — 1975 side 2. |

### Daily

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| $.45 | Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast |
| 7.30 | Local News with Tide Times |
| 7.35 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |
| 12.30 | News followed by Brunei In History, and Weather Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# 25 TAHUN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI



MEMBERIKAN kursus-kursus dan panduan mengenai Sistem Ejaan Baru Bahasa Melayu salah satu kegiatan DBP.

Dari muka 3

memperolehi kerakyatan ialah seseorang mesti boleh bertutur dan mengetahui bahasa Melayu dengan fasih. Oleh kerana Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggung-jawab dalam perkara kebahasaan, maka tidak dapat dinafikan jikalau sangkaan ini tersemat di kalangan orang ramai. Walau bagaimanapun, ia telah dapat dijelaskan melalui Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 36/1962, yang menyatakan Dewan Bahasa dan Pustaka dibentuk dengan tujuan-tujuan berikut:

'1) Berusaha dan berikhtiar untok memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu.

2) Mensesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah di-jadikan bahasa rasmi Negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sa-bagaimana yang di-persharatkan oleh Bab 82(1) dari Perlembagaan.

3) Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku2.'

Permohonan bagi mendapatkan taraf kebangsaan pula diselenggarakan oleh Lembaga Bahasa. Ia dibentuk mengikut kuatkuasa Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 Bab 15(1) dan (2). Di antara lain mengandungi syarat kefahaman bahasa Melayu seperti berikut:

'.... mana2 orang yang memohon pendaftaran atau penaungan taraf kebangsaan... mempunyai darjah pengetahuan Bahasa Melayu seperti yang ditentukan dan boleh bertutur dalam bahasa itu dengan faseh...'

Maka jelaslah sudah tentang peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Lembaga Bahasa. Di sini, dapat kita lihat betapa pentingnya seseorang itu mesti menunjukkan yang ia benar-benar mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik untuk memperolehi kerakyatan Brunei.

**PERKEMBANGAN**

Negara Brunei Darussalam mempunyai sejarah perkembangan bahasa Melayu yang berlainan daripada negara-negara jiran di dalam Alam Melayu akibat keadaan sosiopolitik dalam masa zaman lampau yang tidak mengizinkan negara ini mencapai perkembangan bahasa Melayu yang besar dan agung. Menurut pendapat Awang Muaranuddin dalam artikelnya yang berjodol "Brunei dan Modernisasi Bahasa Melayu" (Bahana, bilangan 8, September-Disember 1968, m.s. 420-421) berkata:

'Modernisasi bahasa sachara terator dan berenchana tidak ada di-Brunei sampai masanya Dewan Bahasa dan Pustaka di-tubohkan dan di-tugaskan untok memajukan bahasa itu dengan bebas, dengan jalan membentok istilah2 baru dan dengan jalan mengeluarkan buku2 dan majalah2 dalam bahasa Melayu serta mengadakan perhubungan antarabangsa dengan lain2 jabatan2 atau lembaga yang mempunyai tujuan2 yang sama.'

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei adalah sebuah jabatan kerajaan yang bertugas untuk membina dan memperkembangkan bahasa dan sastera Melayu. Tetapi ini tidaklah bermakna soal pembinaan dan pengembangan ini harus dipertanggungjawabkan sendiri oleh jabatan ini. Kita sebagai pengguna bahasa juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mempertingkatkan penggunaan bahasa yang baik. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai dalam memajukannya.

Demi meyakinkan rakyat tentang kemampuan dan potensi bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa yang berkembang, berkebolehan dan baku dalam zaman sains dan teknologi ini, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah menyusun istilah-istilah dalam bahasa Melayu bagi pelbagai bidang ilmu dan jurusan untuk kemudahan orang ramai menggunakannya. Istilah-istilah yang telah dikumpulkan untuk jabatan-jabatan kerajaan meliputi bidang sukan, pentadbiran, perubatan dan sebagainya. Istilah-istilah ini dipakai setelah dibuat keselarasan dan rujukan silang dengan istilah-istilah yang dipakai di negara-negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia; dan juga yang disesuaikan pemakaiannya mengikut konteks budaya dan keadaan sekitar negara ini. Contoh yang dapat diketengahkan ialah seperti perkataan 'kapayas', 'sekoi', 'pusu' dan sebagainya yang dipakai di sini tetapi mempunyai makna yang berbeza di negara-negara jiran. Begitu juga bagi pemakaian kata 'jagus' di negara ini tetapi digunakan 'gajus' di Malaysia dan Singapura. Selanjutnya kata 'gagat' tidak ada dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu standard tetapi dipakai di negara ini seperti pada kata 'ubat gagat'. Contoh-contoh kepelbagaian cara dan struktur pemakaian kata ini adalah merupakan salah satu tugas yang perlu disesuaikan dan diselaraskan supaya matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang baku dan berkesan dapat dicapai.

Sehubungan dengan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei juga memberi perkhidmatan terjemahan kepada jabatan-jabatan kerajaan terutamanya. Usaha penterjemahan adalah salah satu saluran bagi Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ke arah hendak melengkapkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan sesuai serta menambah perbendaharaan katanya melalui terjemahan yang dibuat dan penciptaan istilah.

Pelaksanaan pemakaian tulisan Jawi telah lama berjalan sebagai usaha untuk memelihara penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai sebuah bahagian yang memberi khidmat kepada yang memerlukan contoh tulisan Jawi untuk papan-papan tanda, papan-papan nama kedai dan pertubuhan serta kenderaan, kepala-kepala surat dan sebagainya. Purata setiap minggu Dewan Bahasa dan Pustaka menerima sepuluh permohonan Jawi untuk papan-papan nama dan lima belas permohonan untuk kepala-kepala surat, kenderaan dan lain-lainnya.

Dalam usaha menggalakkan orang ramai dan memperbanyakkan penggunaan-penggunaan buku berbahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah menerbitkan berbagai-bagai buku dalam bahasa Belayu termasuklah buku-buku teks untuk kegunaan sekolah-sekolah. Sejumlah 234 jenis tajuk buku telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memenuhi kemahuan pembaca-pembaca dan pencinta-pencinta buku yang berbahasa Melayu. Di antara tajuk ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sejumlah 14 tajuk buku yang merupakan buku-buku teks, 114 tajuk buku berupa buku tambahan, 55 bagi sastera kanak-kanak, 27 tajuk buku jenis buku umum dan 21 tajuk buku bercorak cerita tatarakyat. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan 3 majalah semasa bagi bacaan orang ramai, iaitu majalah Beriga yang diterbitkan triwulan sekali untuk tatapan orang-orang dewasa khususnya, majalah Bahana yang dikeluarkan sebulan sekali memuatkan rencana-rencana yang bercorak sastera kreatif, dan majalah Mekar untuk hidangan kanak-kanak diterbitkan sebulan sekali. Selain daripada itu, dua buah kamus utama sedang disusun dan akan diterbitkan tidak lama lagi untuk kegunaan orang ramai. Kamus itu adalah berupa kamus berbahasa Melayu untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Sebanyak kira-kira 600 perkataan telah disusun di dalamnya. Kamus yang lain ialah kamus yang memuatkan perbendaharaan kata Melayu Brunei. Penerbitan ini dibuat sebagai salah satu cara memperkembangkan pemakaian Bahasa Melayu.

Banyak kegiatan lain yang bertujuan mengembangkan penggunaan bahasa Melayu dan mempertingkatkan mutu kesusasteraan Melayu di Negara Brunei Darussalam telah diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Salah satu kegiatannya ialah Simposium Bahasa dan Sastera yang telah dianjurkan pada 29 September 1982 bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang bahasa dan sastera. Usaha ini juga merupakan kerjasama dengan Persatuan Asterawani (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani). Sesuai dengan namanya, Asterawani kerap memberikan kerjasama dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan mengenai bahasa dan sastera seperti Hari Sastera, Perkampungan Sasterawan dan sebagainya.

Pada 1 Januari 1983, Negara Brunei Darussalam telah menempuh satu detik bersejarah dalam perkembangan untuk menyesuaikan kedudukan bahasa Melayu dengan penggunaannya di Malaysia dan Indonesia. Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, jabatan ini telah merasmikan penggunaan sistem ejaan Rumi baru bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat didahului dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan kemudian diserapkan ke pihak swasta; seperti yang disarankan melalui Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil: 5/1983 bertarikh 13 April 1983. Antara isi kandungannya ialah:

'Adalah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan Kerajaan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, telah memutuskan supaya penggunaan ejaan baru bagi Negara Brunei dimulakan pada awal tahun 1983 ini secara berperingkat-peringkat dengan menetapkan penggunaan ejaan baru itu kepada Jabatan Kerajaan Baginda terlebih dahulu dan kemudian diperluaskan kepada orang ramai.'

Sistem ini dilaksanakan dan diperkenalkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan melalui kursus-kursus di pejabat, siaran rancangan melalui televisyen, terbitan di akhbar Pelita Brunei dan keluaran buku panduan. Hampir semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan telah mengikuti kursus ini yang diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Pada masa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei sedang mengkaji dan menilai serta menyelidik kemampuan dan kebolehan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan dalam pemakaian sistem ejaan baru. Rancangan mengembangkannya bagi pihak swasta atau firma akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Walaupun Negara Brunei Darussalanm dikatakan agak lambat menggunakan sistem ejaan baru dalam bahasa Melayu kalau dibandingkan dengan Malaysia dan Indonesia yang sudahpun menggunakannya semenjak tahun 1972, namun keputusan yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam untuk sama-sama menggunakan sistem ini adalah menunjukkan suatu kenyataan akan sikap negara ini ke arah kesefahaman, kerjasama dan toleransi dengan negara Malaysia dan Indonesia demi memelihara bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa Nusantara.

Negara Brunei Darussalam tidak pernah ketinggalan dalam menerima jemputan-jemputan bagi menghadiri perbincangan mengenai bahasa dan sastera dari dua buah negeri jiran, terutama Malaysia. Jemputan seumpama ini termasuklah sebuah pertubuhan yang dipanggil Majlis Bahasa Indonesia — Malaysia (MBIM) yang selalu menjemput wakil-wakil Negara Brunei Darussalam untuk ikut serta sebagai pemerhati. Jemputan seumpama ini merapatkan lagi bukan sahaja silaturahim antara negara tetapi juga mengetahui perkembangan bahasa Melayu dalam Nusantara dan menyelesaikan masalah-masalahnya.

Peranan Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan bahasa Melayu di Nusantara bukan sahaja kerana ia sebuah negara berbahasa rasmikan Melayu tetapi juga 'kekayaan' negara ini dari segi perbendaharaan kata tempatan seperti dari pelbagai dialek yang terdapat di negara ini memang tidak dapat dicurigai lagi. Sumbangan seumpama ini amat besar ertinya lagi berguna sekali bagi memperkaya dan menambah khazanah perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu di rantau ini, sesuai dengan hasrat untuk meletakkannya sebagai bahasa Nusantara.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 26 hingga 30 September 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Lunau Manis | 26.9.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 26.9.1984 | Rabu | 9.45–10.45 | .. |
| Sekolah Melayu Masin | 26.9.1984 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 29.9.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 29.9.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | .. |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 29.9.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 29.9.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 29.9.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 | .. |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 29.9.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 | .. |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 30.9.1984 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 30.9.1984 | Ahad | 10.15–11.15 | .. |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 30.9.1984 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |



HASSAN Sani, ketua pasukan Sabah bersama Razali Zinin menjulang Piala Borneo sejurus muncul selaku juara dengan mengalahkan Brunei 2-0.

# SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

# IMPIAN JADI JUARA BERKECAI

IMPIAN berkecai. Mahkota yang hampir dalam genggaman terlepas dibawa arus Laut China Selatan ke Sabah.

Begitulah nasib pasukan kebangsaan dalam perjalanan menakluk Piala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, piala yang menjadi kemegahan dan rebutan tiga wilayah.

Bersama itulah juga hancurnya harapan tinggi jurulatih pasukan negara, Awang Denny Benggara.

Begitu megah beliau menyaksikan persembahan cemerlang anak buahnya sewaktu menundukkan Sarawak 2-0 di mana semua yang diharapkan menjadi hampa.

Kegembiraan beliau dilahirkan dengan kata-kata: "Anak buah saya bermain dengan cemerlang. Taktik permainan yang dicapai semakin menjadi. Dan saya semakin yakin dengan kelakonan mereka menjelang pertemuan dengan Sabah."

Demikian sewaktu diminta penjelasan selepas pertemuan dengan Sarawak.

Kelakonan dan persembahan kesebelasan pemain negara sewaktu menentang Sarawak begitu meyakinkan para peminat tempatan yang Brunei kali ini akan menjadi juara Piala Borneo.

Tetapi mengharap lebih senang dari membuat. Kita kecundang. Jaringan dua gol di sepuluh minit terakhir menceritakan segalanya.

Semangat untuk menang tidak dapat mengekang pasukan Sabah menjuarai piala tersebut untuk kali keenam.

Zainuddin Kassim, penjaring gol ke atas Sarawak gagal menembusi benteng pertahanan Sabah dan kawalan ketat yang diberikan ke atas beliau menyukarkannya untuk membuat gerakan.

Semakin permainan berjalan, semakin kemas rentak permainan Sabah. Mereka terus melancarkan serbuan yang tidak berhenti.

Sebaliknya serangan Brunei yang semakin 'tumpul' itu membuatkan 'perjudian' terpaksa dibuat dengan memasukkan Majidi Ghani yang dimasukkan dalam senarai simpanan untuk menggantikan Kasmi Abd. Hamid.

Kemasukan Majidi juga tidak begitu banyak memberikan nafas. Sabah yang sudah menguasai permainan terus-menerus bermain dengan baik dan mengganas.

Dan bila Razali Zinin menembakkan gol pertama Sabah di minit ke-80 sudah kelihatan riak gembira jurulatihnya, Stanley Chew dan Hassan Sani ketua pasukan semakin yakin membawa balik piala itu semula.

Meskipun tewas, sekalung bunga dan pujian sepatutnya diberikan ke atas kesebelasan pemain yang bertungkus-lumus menggunakan sepuluh tenaga bagi menggempur kesebelasan tenaga lawan.

Brunei begitu baik di awal permainan dengan melancarkan serangan yang bertubi ke atas Sabah.

Semangat mereka yang berkobar sanggup bertahan dengan persembahan cemerlang dari penjaga gol kebangsaan Yunus yang sejak awal berjaya menepis dan mempertahankan kubunya sehinggalah beliau menyerah di minit-minit terakhir.

Kejohanan Piala Borneo tahun depan akan berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah.

Sejak kejohanan ini diadakan semula pada tahun 1977, Brunei telah menjuarainya sebanyak dua kali (1978 dan 1981) dan Sarawak pada tahun lepas.



SALAH satu serangan yang dilancarkan oleh Brunei ke atas Sarawak. Razak Yahya mencabar Affendi Jol. Brunei menang dua jaringan tanpa balas.

## Kejohanan bolasepak jemputan

PERTUBUHAN bola sepak Kota Ranger akan mengelolakan kejohanan bola sepak jemputan di Daerah Brunei-Muara bagi merebut Piala National.

Kejohanan kali pertama itu adalah atas tajaan Air Conditioning and Engineering (Pte) Limited atas anjuran Persatuan Bola Sepak Amatur Negara Brunei, BAFA.

Dijangka sebanyak 30 buah pasukan telah dijemput bagi menyertainya. Hanya pasukan yang sah berdaftar dengan 'surat pendaftaran yang sah dari Kerajaan' saja yang akan dilayan. Dan hanya pemain yang sah oleh BAFA saja dibenarkan bermain.

Bayaran untuk memasuki sebanyak $120.00 hendaklah dikembalikan bersama borang penyertaan tidak lewat dari 30 September kepada Awang Haji Zulkifli Hj. Laidin, setiausaha persatuan di alamat Peti Surat 2606.

Kejohanan ini dijangka akan bermula dalam bulan Oktober depan.

# Brunei malang lagi !

PISANG berbuah dua kali. Nasib malang sewaktu hampir menjadi juara di Kuching berulang lagi di tempat sendiri.

"Bukan mudah menewaskan Brunei." Berulang kali pengurus pasukan Sarawak, Awang Junaidi Ibrahim menggelengkan kepada sejurus Sarawak menundukkan Brunei di hari pertama kejohanan sepak takraw tiga wilayah.

"Kami berasa bertuah. Bertuah sekali. Kemenangan ini bukan saja memberikan makna kepada pasukan Sarawak malah kepada negeri Sarawak sendiri," tambahnya.

Brunei bukan calang-calang pasukan dan mengalahkan mereka semacam memberikan kepuasan dan kemenangan mutlak kepada Sarawak.

"Itulah impian kami. Sungguh beruntung dapat menundukkan mereka dan saya tidak menyangka sama sekali. Bukan apa tapi pasukan Brunei adalah pasukan terkuat di Borneo dan salah sebuah yang terkuat di rantau ini.

"Memenangi dua perlawanan dari tiga regu terutama dalam menewaskan regu utama Brunei adalah pencapaian yang mengkagumkan. Saya berasa terharu dengan kelakonan dan semangat yang ditunjukkan oleh anak buah saya," tegasnya.



PERLAWANAN yang paling tegang di hari pertama ialah antara regu utama Brunei dengan regu utama Sarawak. Sarawak menang dalam tiga set 7-15, 15-10 dan 15-11.

Awang Junaidi juga melahirkan kegembiraannya bila regu utamanya berjaya menjinakkan regu utama Brunei yang beliau anggap 'menggerunkan'.

"Saya terpaksa memperjudikan pemain veteran yang berpengalaman Mohammad Haji Kobil, Shamsudin Ismail dan Haji Aerawani bagi mengimbangi kegagahan regu Brunei (Rahim Omar, Said Bakar dan Laji Haji Ibrahim).

"Kami langsung tidak percaya bila kami menang. Terus terang saya nyatakan kami gerun pada regu ini terutama apit kanannya, Said Bakar yang mempunyai pukulan maut yang hebat."

"Bila mereka berjaya saya yakin regu kedua dan ketiga yang kebanyakan pemain baru dan belia akan berjaya," jelasnya sambil mengesat air mata tanda gembira.

Begitu melonjak kegembiraan mereka sejurus regu ketiga Brunei tewas 15-5 dalam set penentu, pengurus, jurulatih dan para pemain Sarawak tunduk menangis.

Sarawak menjalani dua minggu latihan intensif dengan para pemainnya dipilih dari kejohanan antara bahagian-bahagian Sarawak (dua, tiga dan empat).

"Pengorbanan kami dengan tidak menyertai kejohanan kebangsaan di Kuala Lumpur semata-mata memberikan perhatian khusus untuk kejohanan Borneo ini nampaknya memberikan hasil. Saya cukup puas," ujar Awang Junaidi.



KEJOHANAN sepak takraw Piala Borneo dengan rasminya telah dilaksanakan oleh tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sejurus setelah merasmikan pembukaan kejohanan, Yang Berbahagia telah diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Turut hadir ialah YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin selaku Yang Dipertua Persatuan Sepak Takraw Brunei, dan naibnya Pg. Alihassan serta beberapa orang jemputan khas serta ketua rombongan Sabah dan Sarawak.

Sementara itu dalam satu mesyuarat jawatankuasa tiga wilayah, Sabah telah dipilih sebagai pengelola kejohanan sepak takraw 1985 di Kota Kinabalu.

## BERKHIDMATLAH KEPADA NEGARA DAN BANGSA DI DALAM

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. DENGAN SYARAT UNTUK TERPILIH AWANG-AWANG MESTILAH DILAHIRKAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN RAKYAT KEPADA KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
2. AWANG MESTILAH LULUS DARJAH 6 ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA
3. DAN LULUS UJIAN PERUBATAN DAN PELAJARAN YANG DIADAKAN OLEH ABDB



MENJADI AHLI-AHLI SQN JURUTERA GEMPUR



DAN TENTERA UDARA



ATAU MENJADI AHLI-AHLI TENTERA JALAN KAKI

## JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA TULISLAH:-

KEPADA
PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA..........................................................................

NO. KAD PENGENALAN ........................ WARNA ......................

TARIKH LAHIR ............................................ UMUR ..................

ALAMAT ......................................................................

KELULUSAN ...............................................................

NO. TELEFON JIKA ADA ..............................................

TANDATANGAN...........................................................

TARIKH.......................................................................

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENOLONG PEGAWAI KONTRAK DOKUMEN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI KONTRAK DOKUMEN di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 21 tahun.

b) Mempunyai Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Ilmu Hisab atau yang sebanding dengannya.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan seperti yang dinyatakan di para (b) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun dan berpengalaman dalam menyediakan Kenyataan Tawaran, Tawaran Kontrak Dokumen dan mempunyai sedikit pengalaman mengenai Peraturan-peraturan Tawaran boleh juga dipertimbangkan.

d) Mempunyai keupayaan menaip adalah satu kelebihan.

e) Fasih dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Menyusun kontrak Dokumen.

b) Mencatat Kontrak ke dalam pendaftaran kontrak.

c) Mencatat kontrak ke dalam Kad Rekod Para Pemborong.

d) Menyediakan Iklan Kenyataan Tawaran.

e) Menyediakan Bulletin Mingguan bagi projek-projek yang ditawarkan.

f) Mencatat penghantaran Kontrak-kontrak Dokumen untuk dihantar ke pejabat tertentu.

g) Kerja-kerja menaip termasuk menaip surat penerimaan kerja dan lain-lain.

h) Membantu Pegawai Kontrak Dokumen.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 12 November, 1984.

(Bil iklan: 178/1984)

(E/1032/84).

## Pengawas Pemandu Jurutemali OB

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENGAWAS PEMANDU JURUTEMALI OB di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji: D. 4-5 EB. 6 — $1225-$1785 sebulan.

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun;

b) Calon-calon mestilah terdiri darai Pemandu Jurutemali O/B yang telah ditetapkan dalam jawatannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun.

c) Mempunyai laporan nilaian prestasi kakitangan yang memuaskan;

d) Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik;

e) Hendaklah mempunyai kebolehan dalam menyelenggarakan perkakas-perkakas mekanik dan pengetahuan dalam bidang letrik;

f) Kebolehan membaca dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 27 Oktober, 1984.

(Bil iklan: 189/1984)

(E/349/82).

## Sebagai Tukang Cat

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG CAT di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F.1-2-3-4 EB.5 — $445-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan sebaik-baiknya tidak lebih dari 35 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Tukang Cat dan tugas-tugas am buruh.

c) Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh badan, biasa bekerja setinggi 100 kaki dari paras permukaan bumi dan boleh berenang.

**Tugas-tugas**

Calon-calon yang berjaya akan menjalani tugas-tugas am menyelenggara, membersih dan mencat lampu-lampu pancang laut dan tanda-tanda pelayaran laut di perairan-perairan di seluruh Negara Brunei Darussalam. Mereka akan dikehendaki untuk menjaga kawasan-kawasan yang bertentangan dengan tanda-tanda pelayaran laut yang berpengkalan di darat daripada ditumbuhi oleh semak belukar dan menebang pokok-pokok serta memotong rumput.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1984.

(Bil iklan: 194/1984)

(E/211/82).

## Kerani Perakaunan Tingkat I

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai KERANI PERAKAUNAN TINGKAT I (bahagian cukai) di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji:** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun;

b) Mestilah mempunyai kelulusan Higher Diploma/HND dalam bidang Accounting, Commerce, Business Studies atau Law atau yang sebanding dengannya; —

ATAU

c) Calon-calon yang mempunyai kelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat Tertinggi dalam mata pelajaran Accounting, Commerce atau Law dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang kewangan, Accounting, Odit atau Undang-Undang serta mempunyai laporan nilaian prestasi kakitangan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.

ATAU

d) Calon-calon mestilah terdiri dari Kerani Perakaunan Tingkat II (Percukaian) di Kementerian Kewangan yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai laporan nilaian prestasi kakitangan yang memuaskan;

ATAU

e) Calo-calon yang terdiri dari Kerani Tingkatan II yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai pengalaman dan berkebolehan dalam memahami dan menulis penyata-penyata kewangan kepunyaan syarikat-syarikat dan juga mengendali penyata-penyata yang akan dihadapkan oleh syarikat-syarikat tersebut ke pendaftar syarikat-syarikat dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan;

f) Calon-calon mestilah mempunyai kebolehan dalam memahami dan memeriksa penyata-penyata kewangan kepunyaan syarikat-syarikat dan juga mengendali penyata-penyata yang akan dihadapkan oleh syarikat-syarikat tersebut ke Pendaftaran syarikat-syarikat;

g) Mempunyai pengalaman bekerja di firma-firma odit, kewangan atau undang-undang adalah merupakan satu keistimewaan.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 27 Oktober, 1984.

(Bil iklan: 190/1984)

(E/1023/384).

## SEBAGAI JURUTRENGKAS INGGERIS

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUTRENGKAS INGGERIS di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji:** D. 3-4 EB. 5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambridge Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

b) Boleh mencatat trengkas 80 p.s.m. dan menaip 40 p.s.m. Mereka dikehendaki menjalani ujian kepantasan trengkas dan menaip.

c) Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Kerja-kerja trengkas dan menaip yang diarahkan oleh pegawai-pegawai yang tertentu.

**Syarat-Syarat Tawaran**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darusalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 3 November, 1984.

(Bil iklan: 196/1984)

(E/6/79).

## Sebagai Wadar di Jabatan Penjara

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai WADAR di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah Enam (VI) Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding dengannya di Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.

b) Berumur antara 18 hingga 25 tahun.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inci.

d) Dada sekurang-kurangnya 31 inci apabila tidak ditarik nafas.

e) Tubuh badan sihat dan tegap serta lulus ujian kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Tanggagaji:**

P1 EB 2—$605-615-625-635-650-660-680-695-E B-710-725-740-755-770-780-795-E B-810-825-840-855-870-885.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan surat-surat akuan dan sijil persekolahan ke Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong atau P.O. Box 2256, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 22 Oktober, 1984.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL. PPL/122/1984

Tajuk Kerja: PEMELIHARAAN BANGUNAN JANAKUASA GADONG DAN BANGUNAN PEJABAT, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 8 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

### BIL.: PPL/134/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK SEKOLAH MELAYU PUDAK BRUNEI III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 1 Oktober 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

### BIL.: PPL/135/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN TAMBAHAN KEPADA BENGKEL TUKANG KAYU DI SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM TUTONG.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C"

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

### BIL.: PPL/138/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BLOK PENTADBIRAN DI SEKOLAH MELAYU KERIAM TUTONG.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEGAWAI JURUTERA LAUT

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PEGAWAI JURUTERA LAUT di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** B 2 EB 3 — $2270-$4240 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

1) Calon-calon mestilah mempunyai Certificate of Competency sebagai Jurutera Kelas Pertama (Stim dan Motor) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahaan United Kingdom atau sebanding dengannya dan sebuah Negara Komanwel.

2) Pengalaman di dalam sebuah Jabatan Laut atau jabatan Penyelidekan Laut Kerajaan atau sebagai Penguasa Kejuruteraan di dalam syarikat perkapalan yang diiktiraf atau Jurutera Penguasa di limbongan kapal merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Tugas-tugas utama ialah pengawasan kejuruteraan bagi kerja-kerja membaiki dan pemeliharaan unit-unit kapal-kapal Jabatan Laut, penyelidikan kapal-kapal berkaitan dengan pengeluaran surat akuan berkanun di bawah peruntukan Undang-Undang Perkapalan perdagangan. Lain-lain tugas am sebagai Pegawai Jurutera Laut mengikut keperluan perkhidmatan.

**Syarat-Syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 8 November, 1984.

Bilangan iklan : 197/1984. (E/74/72)

---

## KENYATAAN TAWARAN

### Tawaran Untuk Electrical Installation for Preposed Surau for the Royal Brunei Armed Forces, Bolkiah Camp

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' or 'B' Registered Electrical Contractor sehingga hari Isnin 8 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SURAU FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, BOLKIAH CAMP.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Semua tawaran-tawaran, terutama dari seberang laut, mesti dihantarkan dalam Peti Tawaran yang terletak di hadpan pejabat tersebut di atas. Tawaran-tawaran yang tidak dihantarkan dalam Peti Tawaran dengan secara tersebut akan tidak dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut :—

TAWARAN UNTUK :

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SURAU FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, BOLKIAH CAMP.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

BRISMA INTERNATIONAL CONSULTANTS
F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex,
Mile 1½, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

mulai dari hari Rabu 19 September, 1984 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 + $100.00 (untuk lukisan) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut :—

(a) Pemborong-pemborong itu adalah pemborong Class 'A' or 'B' Registered Electrical Contractor.

(b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan security deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Pemborong mesti menetapkan dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang diambil adalah sama dengan "Master" dokumen dan lukisan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

11. Oleh sebab peluang diberi kepada semua pemborong-pemborong melihat dokumen dan lukisan tawaran di pejabat dalam masa tersebut dalam perenggan (5) di atas, tawaran dan cagaran tawaran tidak boleh ditarik balik bermula SATU MINGGU sebelum tarikh tutup tersebut dalam perenggan pertama.

---

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis "MENJAHIT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 8 Oktober, 1984 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

3. Penawar-penawar adalah dipelawa untuk menyebutkan harga membekalkan kain dan upah menjahit tiap-tiap sehelai pakaian seragam bagi tempoh di sepanjang tahun 1985, seperti berikut :—

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Kemeja Kuning Panjang Tangan (Shirt Khaki Dacron L/S) | — | 1 helai |
| 2. | Seluar Panjang Kuning (Slack Khaki Dacron) | — | 1 helai |
| 3. | Bush Jacket Khaki Dacron | — | 1 helai |
| 4. | Shirt Khaki Dacron | — | 1 helai |
| 5. | Baju Mess Jacket Putih (Mess Jacket White Dacron) | — | 1 helai |
| 6. | Tunic Putih (Tunic White) | — | 1 helai |
| 7. | Seluar Panjang Hitam (Slack Black Dacron) | — | 1 helai |
| 8. | Double Vest (Jacket) Hitam | — | 1 helai |
| 9. | Cara Melayu | — | 1 helai |
| 10. | Samping Wadar (Upah Sahaja) | — | 1 helai |
| 11. | Seluar Panjang Putih | — | 1 helai |
| 12. | Seluar Pendek Putih (Slack White Dacron) | — | 1 helai |
| 13. | Epaulette Rifle Green | — | 1 helai |

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Semua pakaian seragam hendaklah dijahit dengan memuaskan hati Penguasa Penjara. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dijahit itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih. Benang yang digunakan bagi menjahit semua pakaian akan ditentukan oleh Penguasa Penjara.

6. Kontrak ini boleh diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua (2) bulan notis secara bertulis.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

---

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: KB 57 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK : "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 1 BLOK 6 UNIT KELAS 'F' FLAT SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 58 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK : "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 2 BLOK SEMI DETACHED KELAS 'G' DAN 1 BLOK 12 UNIT BARIK KEHUTANAN SUNGAI LIANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 59 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK : "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 3 BLOK 8 UNIT BARIK UNTUK WATER WORKS TREATMENT PLANT SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00.

---

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL.: 52/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Oktober, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN BATTERY 12 VOLTS 140AH 25 PLATES FOR KOMATSU. JENIS NS150 — KOBE BATTERY.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL.: 53/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Oktober, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN CAST IRON FITTINGS TO SPECIALS TO BS78/1965 PLAIN ENDED CLASS B OR SUITABLE FOR USE WITH A.C. PIPE CLASS 'B' OR 'C'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PENGURNIAAN TAMBANG BAGI MENUNAIKAN FARDU HAJI

PEGAWAI-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 1985 (1405 Hijrah). Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke pejabat ini tidak lewat dari 31 Januari 1985 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini hendaklah terdiri daripada : —

i. Pegawai-pegawai Kerajaan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

ii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan tetap;

iii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan dari sebulan ke sebulan atau open-vote.

iv. Semua pegawai-pegawai yang telah berhenti daripada perkhidmatan dengan Kerajaan dan dalam perkhidmatan bergaji hari adalah tidak berhak untuk mendapat pengurniaan tambang ini;

v. Pegawai-pegawai yang telah bersara dan memenuhi syarat-syarat yang lazim sama ada berjawatan tetap mahupun dari sebulan ke sebulan atau open-vote dan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka selama 15 tahun;

vi. Pegawai-pegawai yang memohon itu belum pernah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan (kurnia) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan Baginda. Tetapi mana-mana pegawai yang berkesempatan menunaikan fardu haji semasa menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Haji dan lain-lain urusan Kerajaan dibolehkan memohon tambang ini.

2. Pengurniaan ini adalah untuk pegawai itu sendiri dan juga untuk isterinya, jika suami yang bekerja, atau suamiya, jika isterinya yang bekerja, yang menunaikan fardu haji bersama-sama dengan pegawai itu;

3. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan ke sebulan atau open-vote tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari;

4. Mereka yang menerima pengurniaan tambang ini adalah dikehendaki menguruskan penerbangan/pelayaran mereka menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jemaah Penasihat Haji Negara Brunei Darussalam. Jika didapati tidak menurut peraturan-peraturan itu maka tambang ini akan ditarik balik;

5. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji bagi Musim Haji 1984 (1404 Hijrah), yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada tahun ini adalah juga dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula;

6. Mereka yang dikurniakan tambang haji dan telah menerima tambang tersebut tetapi tidak dapat meneruskan pemergiannya bagi menunaikan fardu haji kerana suatu sebab yang tertentu adalah dikehendaki supaya mengembalikan wang tambang yang sudah diterimanya itu kepada Kerajaan selewat-lewatnya seminggu dari tarikh penerimaannya;

7. Segala permohonan hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang dikehendaki menghantar permohonan itu ke Pejabat ini berserta dengan laporan yang lengkap mengenai diri pemohon. Ketua-ketua jabatan sendiri hendaklah meneliti keterangan-keterangan yang diberikan itu sebagai keterangan-keterangan yang lengkap dan betul sepertimana yang dikehendaki;

8. Pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bersara, hendaklah menghantar permohonan-permohonan mereka melalui Pengarah Perjawatan;

9. Untuk kepentingan pentadbiran, sekiranya perkhidmatan seseorang itu dikehendaki dan pemergiannya dikira akan menjejaskan pentadbiran pejabatnya, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berhak menangguhkan sesuatu permohonan di bawah peraturan ini;

10. Perkhidmatan 15 tahun adalah dikira dari tarikh mula berkhidmat hinggalah kepada tarikh terakhir permohonan-permohonan diterima iaitu pada 31 Januari 1985.

11. Permohonan untuk mendapatkan pengurniaan tambang ini mestilah dibuat dalam borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 344 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" atau "B" (berdaftar sebagai Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No. : AD425/1101
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN SURAU UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, BOLKIAH KEM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 345 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk

PROJEK No.: 84AR/084
MEMBINA TIGA (3) BUAH KALBAT KONKRIT TETULANG UNTUK TAPAK INDUSTRI BARU PEJABAT KERJA RAYA, DI KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 346 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK No. : 84AR/084
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH TIMBUS KE TAPAK INDUSTRI BARU PEJABAT KERJA RAYA, DI KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 347 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/PEL006
CADANGAN BANGUNAN PEJABAT BAGI PENGARAH PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 348 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/JUB025
CADANGAN BANGUNAN PENTADBIRAN BAGI SEKOLAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 349 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AR407/0501
PENYIAPAN JALAN RAYA DARI BANDAR TUTONG KE KAMPONG JERUDONG — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DAN MELAPISKAN KONKRIT ASPHALTIC SEBAGAI BASE COURSE DAN WEARING COURSE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Bolton Hennessey Pte Ltd., 146C Jalan Pemancha, P. O. Box 710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $5,000.00.

### BIL: 350 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas Khas (Pemborong Penyelidik Tanah) untuk :

PROJEK No.: AD406/0801
PENYELIDIKAN TANAH BAGI CADANGAN SEKOLAH MENENGAH DI JALAN LAMUNIN, MUKIM KIUDANG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Ibrahim, 201, Chandrawaseh Shopping Complex, Bt. 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 351 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 120 SET PERABOT KELAS III BAGI : —

1) 60 UNIT FLAT E JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA.
2) 24 UNIT FLAT E JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA.
3) 6 UNIT FLAT F JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA.
4) 30 UNIT FLAT E DI TAPAK SEKOLAH MENENGAH, BANGAR.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 352 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 36/10
MEMBAIKI DAN MENCAT SEPENUHNYA LUAR DAN DALAM BLOK 1-8 DI UNIT SIMPANAN GURKHA, ISTANA EDINBURGH, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Tarikh tutup : 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 353 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AW417/0613
BEKALAN AIR BANDAR SERI BEGAWAN — KEEMPAT PERINGKAT 1 KONTRAK No. 35C — SALURAN PAIP DAN KOLAM AIR — KAWASAN LAMBAK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Watson Hawksley Asia, Block 11, Tingkat 1, Bangunan Tang Ching Ying, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.

Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (lukisan).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebajikan Belia dan Sukan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU ILMU KEJADIAN

**Sukatan Gaji:** D. 1-2-3 EB. 4 — $530-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun;

b) Mestilah mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya satu kredit di peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (General Certificate of Education Ordinary Level) atau yang sebanding dengannya dalam mata pelajaran yang bersesuaian dengan keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai mata pelajaran Kajihayat (Biology).

2. TUKANG KAYU TINGKAT KHAS

**Sukatan Gaji:** D. 2 EB. 3 — $650-$1125 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun;

b) i) Mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan City and Guild dalam jurusan pertukangan kayu ataupun yang sebanding dengannya, yang diperolehi dari sekolah-sekolah Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

ATAU

ii) Calon-calon yang terdiri dari Tukang-tukang Kayu Tingkatan I yang telah pun ditetapkan oleh jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam membuat kerja-kerja pertukangan dengan menggunakan mesin-mesin pertukangan kayu yang moden. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dalam membuat almari-almari pameran, ragi-ragi pameran dan membaiki sebarang kerosakan contoh-contoh Muzium yang diperbuat daripada kayu.

3. PEMBANTU PENJUAL KANAN

**Sukatan Gaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun;

b) i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu kredit di peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (General Certificate of Education Ordinary Level) ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya serta sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab di peringkat yang sama. Calon-calon adalah juga dikehendaki fasih bertutur di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris;

ATAU

ii) Calon-calon yang terdiri dari Pembantu Penjual di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. Jabatan Muzium yang telah pun ditetapkan dalam jawatan dan telah pun berkhidmat sekurang-sekurangnya selama 5 tahun dan mempunyai laporan penilaian prestasi yang memuaskan.

4. GURU TUKANG PERAK

**Sukatan Gaji:** G. 2 — $1050-$2165 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 21 hingga 45 tahun;

b) Mestilah sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Pertukangan Perak yang bersesuaian serta telah lulus kursus asas pengurusan pertukangan dari Sekolah-sekolah, Maktab-maktab atau Pusat-pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan (sama ada di dalam ataupun di luar negeri) yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

c) Mestilah berkebolehan menggunakan alat-alat dan perkakas-perkakas pertukangan perak tradisional dan moden serta berkebolehan untuk mengajarkannya kepada orang lain.

d) Mestilah mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang sejarah kesenian tradisional negara.

5. TUKANG TEMBAGA

**Sukatan Gaji:** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 21 hingga 45 tahun;

b) Mestilah sekurang-kurangnya telah menamatkan kursus pertukangan dua tahun dalam bidang pertukangan tembaga di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam serta telah pun mempunyai pengalaman dalam mengusahakan kerja-kerja pertukangan tembaga sekurang-kurangnya selama 5 tahun sama ada di bengkel-bengkel persendirian atau di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam.

c) Mestilah mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang sejarah kesenian tradisional Negara Brunei Drussalam.

6. TUKANG PERAK

**Sukatan Gaji:** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 21 hingga 45 tahun;

b) Mestilah sekurang-kurangnya telah menamatkan kursus pertukangan dua tahun dalam pertukangan perak di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam serta telah pun mengusahakan kerja-kerja pertukangan perak sekurang-kurangnya selama 5 tahun sama ada di bengkel-bengkel persendirian ataupun di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Negara Brunei Darussalam.

c) Mestilah mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang sejarah kesenian tradisional Negara Brunei Drussalam.

7. TUKANG TENUN

**Sukatan Gaji:** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 21 hingga 45 tahun;

b) Mestilah sekurang-kurangnya telah menamatkan kursus pertukangan dua tahun dalam bidang tenunan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Negara Brunei Darussalam serta telah pun mempunyai pengalaman dalam mengusahakan kerja-kerja tenunan sekurang-kurangnya selama 5 tahun sama ada di bengkel-bengkel persendirian ataupun di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Negara Brunei Darussalam.

c) Mestilah mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang sejarah kesenian tradisional Negara Brunei Drussa'am.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 November, 1984.

Bilangan iklan: 198/1984 E/325/84

## VACANCY IN THE WELFARE, YOUTH AND SPORTS DEPARTMENT

APPLICATIONS are invited to fill in the following appointment :—

**Appointment:**

Malay and English Stenographer/typist

**Qualification:**

i. Typing speed 40 w.p.m.

ii. Shorthand speed 100 w.p.m.

iii. Study up to form five level.

**Other requirements:**

i. Working experience preferable but not essential.

ii. Able to deal with general correspondent.

**Salary:**

Daily paid bisis.

6 to 12 months (will be continued if necessary).

Duration of appointment:

All application must be addressed to the Chairman, Pesta Sukan Meredeka, care of Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Old Airport Road Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 1 October, 1984.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Oktober, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat. Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

**No.: PROC/T/169/84**
MEMBEKAL: DME/TRANSPONDER TEST ATC 600 A
Cagaran: $200.00.

**No.: PROC/T/170/84**
MEMBEKAL: FAN STAND 16"
Cagaran: $200.00.

**No.: PROC/T/171/84**
MEMBEKAL: ROYAL ENGINEERS BOYANCY AID.
Cagaran: $200.00.

**No.: PROC/T/172/84**
MEMBEKAL: TRANSCIVER BOARD.
Cagaran: $150.00.

**No.: PROC/T/173/84**
MEMBEKAL: COLCHESTER LATHE STUDENT 1800
Cagaran: $100.00.

**No.: PROC/T/174/84**
MEMBEKAL: FIELD SERVICE KIT.
Cagaran: $100.00.

**No.: PROC/T/175/84**
MEMBEKAL: M 100 INTERCOM EQUIPMENT AND SERVICES
Cagaran: $250.00.

**No.: PROC/T/176/84**
MEMBEKAL: PERSONAL FIRST AID KIT.
Cagaran: $100.00.

**No.: PROC/T/177/84**
MEMBEKAL: PERSONAL SURVIVAL KIT.
Cagaran: $100.00.

**No.: PROC/T/178/84**
MEMBEKAL: AIR CRAFT FIRST AID KIT.
Cagaran: $100.00.

## Sebagai Pegawai Pelajaran Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PEGAWAI PELAJARAN di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji:** B. 2 — $2270-$3760 sebulan.

A. PEGAWAI PELAJARAN (REKABENTUK DAN JENTERA)

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pernah menjalani apprentis pesawat terbang yang diiktiraf atau latihan yang serupa dalam tata pertukangan Rekabentuk dan jentera.

b) Mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 15 tahun dalam berbagai jenis pesawat terbang dan sekurang-kurangnya lima tahun dalam Rotorkraft. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Lesen Kejuruteraan Pemeliharaan Pesawat Terbang bagi kelengkapan-kelengkapan berikut:—

i) Bell 212 dan Jentera
ii) BO 105 dan Jentera
iii) Bell 206 dan Jentera

c) Pemohon yang mempunyai pengalaman mengajar akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas:**

a) Mengajar secara praktikal dan membuat ujian ke atas bakal-bakal jurutera-jurutera, pegawai kejuruteraan (lelaki dan perempuan) dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang bagi rekabentuk dan jentera dalam penggunaan kelengkapan-kelengkapan pesawat terbang.

b) Meningkatkan kecekapan dan latihan untuk juruteknik-juruteknik pesawat terbang.

c) Latihan pembiasaan bagi pemandu-pemandu dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dari satu jenis kelengkapan kepada jenis yang lain.

d) Pemeliharaan pesawat terbang latihan dan lain-lain perkakas mengajar.

e) Menyediakan dan pemeliharaan alat-alat mengajar dan khutubkanah peperiksaan.

B. PEGAWAI PELAJARAN (AVIONIK):

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman sebagai Jurulatih dan boleh mengajar aspek teori dan praktikal dalam semua bidang Avionik. (1)

b) Pernah memegang jawatan mengajar di Badan berkuasa Penerbangan Awam yang diakui. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai sijil Badan berkuasa Penerbangan Awam yang diluluskan. (2)

c) Pernah menjalani apprentis yang diiktiraf atau latihan yang serupa dalam sistem penerbangan pesawat terbang, kelengkapan Radio dan letrik.

d) Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman praktikal dalam semua kelengkapan-kelengkapan Avionik.

e) Mestilah berumur di antara 35 hingga 55 tahun.

**Tugas-tugas:**

a) Latihan Avionik bagi pemandu pesawat terbang peringkat awal.

b) Mengajar bakal-bakal pegawai Kejuruteraan dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dalam bidang elektrik dan elektronik bagi sistem senjata-senjata helikopter.

c) Latihan pembiasaan bagi pemandu-pemandu pesawat terbang dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dalam semua bidang avionik dan elektrik bagi penggunaan kelengkapan-kelengkapan avionik helikopter.

d) Menyediakan, perhubungan dan mengawas latihan yang diberikan kepada apprentis avionik pesawat terbang

**Peringatan:**

1) Avionik. Satu istilah yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk menerangkan semua sistem dan kelengkapan elektrik penerbangan termasuk radio, peralatan, elektrik dan elektronik.

2) Sijil-sijil yang dianugerahkan oleh Badan berkuasa Penerbangan Awam telah menjalani latihan yang menyeluruh atau bagi kelayakan-kelayakan dalam jenis pesawat terbang yang tertentu.

**Syarat-syarat Lantikan**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darusslam.

Tarikh tutup: 15 November, 1984.

Bilangan iklan: 195/1984 E/1961/80



KEBERANGKATAN pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

# D.Y.M.M. BERANGKAT PULANG

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat pulang pada hari Isnin lepas, selepas menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-39 minggu lalu di mana dalam perhimpunan tersebut Negara Brunei Darussalam telah sebulat suara diterima menjadi anggota yang ke-159 badan dunia itu.

Sejurus selepas keberangkatan tiba Baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei.

Mengiringi keberangkatan pulang Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Juga berangkat pulang di dalam pesawat yang sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Turut bersama-sama pulang pada hari itu termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa dan Dato Paduka Awang Selamat bin Munap, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan telah berangkat ke Lapangan Terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan pulang Baginda.

Juga berada di lapangan terbang mengalu-alukan keberangkatan pulang Baginda termasuklah Kerabat-kerabat Diraja.

## Sabda ucapan tahniah

**ULANGTAHUN Hari Keputeraan yang ke-71 bagi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan jatuh pada 23 September yang lalu. Dengan mendahulukan Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, sukacita mengurniakan sabda ucapan banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah menyembahkan ucapan tahniah dan kesyukuran mereka bersempena dengan Hari Ulangtahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khiri Waddien, Menteri Pertahanan pada tahun ini.**



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien memotong 'kek harijadi' yang ke-71 tahun yang disembahkan oleh ABDB.

# Paduka Seri Begawan dikurniakan pangkat Jeneral

BERAKAS GARISON. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pangkat baru selaku Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia yang ke-71 tahun yang jatuh pada hari Ahad lepas.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato JPW Friedberger telah menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Lencana-Lencana Pangkat Jeneral kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam satu majlis jamuan makan malam yang disembahkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertempat di Mess Pegawai Berakas Garison pada malam Isnin lepas bagi merayakan dan meraikan Hari Ulangtahun dan Pangkat Baru Kebawah Duli Yang Teramat Mulia.

Di majlis pada malam itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah dijunjung oleh Brigedier Jeneral Dato JPW Friedberger memotong kek Hari Keputeraan dan diikuti oleh nyayian Selamat Hari Ulangtahun oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pemerintah ABDB juga telah menyembahkan ucapan di majlis tersebut.

Sebelum itu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dialu-alukan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan seterusnya diperkenalkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan ABDB.

Antara yang hadir ialah YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Pegawai-Pegawai Pemerintah Batalion dan Pegawai-Pegawai Kanan ABDB. Doa selamat dibacakan oleh Kadi Besar Brunei, YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal.

# 54 Guru Ugama terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 54 orang guru yang menamatkan latihan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan menerima sijil mereka dalam satu majlis penyampaian sijil. Majlis tersebut akan berlangsung di Dewan Maktab tersebut, esok 27 September mulai jam 8.00 pagi.

Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim akan menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil berkenaan.

Di samping itu penyampaian hadiah Pelajar Terbaik 1983 juga akan diselajurkan di majlis tersebut.

Berikut ialah nama guru-guru yang akan menerima sijil di majlis tersebut.

648A Hussin bin Matniah, 649A Hamdan bin Mohammad, 650A Mohd Yusof bin Haji Mohd Nawi, 651A Jahari bin Apong, 652A Abd Rahim bin Ismail, 653A Abd Manaf bin Haji Abd Rahman, 654A Alias bin Ghafar, 656A Idris bin Aji, 657B Mohd Passal bin Noordin, 658B Metassim bin Haji Metussin, 659B Hassan bin Taha, 660B Zainal Abiddin bin Haji Besar, 661B Amin bin Mohd Yassin, 662B Mohammad bin Puteh, 663B Mustafa bin Jaafar.

664A Hasiah binti Safar, 666A Jaidah binti Koya, 667A Jariah binti Ahmad, 668A Hashimah binti Haji Abd Rahman, 669A Ambun binti Munaf, 670A Kasmah binti Hashim, 671B Asmah binti Suhaili, 672B Dk Ruhani binti Pg Ibrahim, 673B Masnah binti Mohd Abun, 674B Nursiah binti Haji Yaakub, 675B Zamzam binti Brahim, 676B Rosnah binti Haji Kapitan, 677B Dk Mariam binti Pg Momin, 678B Hajjah Norani binti Haji Marfuji.

679B Daiah binti Rabaha, 680B Rahimah binti Abas, 681B Siti Fatimah binti Haji Hamid, 682B Asmah binti Hussain, 683B Sarbiah binti Haji Kula, 684B Kalsum binti Japar, 685B Zaliah binti Aspal, 686B Hajijah binti Metussin, 687B Raptahanom binti Mohd Tahir, 688B Noraini binti Muhammad, 689B Saunah binti Haji Mohd Yusof, 690B Salmah binti Haji Suhaili.

692B Rapiyah binti Osman, 693B Salmah binti Haji Ahmad, 694B Hajjah Rokiah binti Haji Ludin, 695B Hajjah Zanis bin Haji Mohd Don, 696B Rokiah binti Mohiddin, 697B Hajjah Tikah binti Haji Mohd Rahman, 698B Sapiah binti Zaidi, 699B Oyah binti Omar, 700B Normiah binti Sahat, 701B Norati binti Ahmad, 702B Mastura binti Haji Mohd Said, 703B Dk Mariani binti Pg Abd Razak, 643B Asmara binti Haji Metahir @ Md Tahir.

## Sambutan 1405 Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tahun 1404 Hijrah berakhir hari ini tiba pula lambaran tahun baru — 1 Muharram 1405 Hijrah yang kehadirannya akan disambut esok dengan acara keugamaan antaranya termasuklah pertandingan membaca ayat-ayat lazim bagi saudara-saudara baru seluruh negara, majlis Khatamal-Quran dan lain-lain lagi.

Pada hari Jumaat 28 September ini satu lagi acara penting sempena memperingati tahun baru Islam itu ialah pembukaan rasmi sebuah masjid baru iaitu Masjid Perpindahan Kampong Mata-Mata, Gadong kira-kira empat batu dari sini.



## Wakil Tetap ke PBB serah watikah

SEBAIK-baik saja Negara Brunei Darussalam diterima dengan rasminya menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di satu upacara yang gilang-gemilang lagi bersejarah, Tuan Yang Terutama Awang Haji Omar bin Haji Serudin, Wakil Tetap negara ini ke pertubuhan dunia itu telah menyerahkan Watikah Perlantikannya kepada Tuan Yang Terutama Javier Perez De Cueller, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di satu majlis singkat yang berlangsung di Pejabat Setiausaha Agung PBB itu (gambar atas).

TYT Awang Haji Omar bin Haji Serudin diiringi oleh Setiausaha Kedua Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB Pg. Sallehuddin bin Pg Haji Md Yusof di majlis tersebut.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.